2. "Siri-Siri Seminar Kepakaran" (Specialist Seminar Series) bagi pengamal undang-undang yang dalam peringkat pengamalan pertengahan dan yang sudah lama mengamal turut merangkumi kuliah-kuliah dalam jurusan undang-undang syarikat (Encik Wong Tuck Sun), undang-undang insurans (Encik Razlan Hadri), undang-undang teknologi maklumat (Cik Wong Shou Sien/Cik Laura Ho), undang-undang jenayah (En. Hanif Khatiri Abdulla/En. Kamarul Hisham), kecuiaan perubatan (En. Robert Lazar) dan undang-undang pentadbiran (En. Lim Heng Seng). Ini telah diadakan pada hari Sabtu ketiga.
3. Juga diadakan kuliah-kuliah di pertengahan minggu dari masa ke masa berhubung dengan "ICC International Court of Arbitration" (Cik Joanne Long), "ICC Dispute Board Rules" yang baru (En. Pierre Genton/En. Vinayak Pradhan) dan mengenai prinsip-prinsip penilaian perkongsian (En. Ernest Cheong).
4. Akhirnya Jawatankuasa telah menganjurkan satu bengkel pembelaan sivil, yang dikendalikan oleh 6 orang peguambela dari Lamb Chambers, London (24-28, Januari 2005) dan satu bengkel hak-hak kemanusiaan (26-27 Februari 2005).

Jawatankuasa Pendidikan Undang-Undang Berterusan ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pensyarah atas sumbangan berharga mereka kepada program ini.

Steven Thiru  
Pengerusi  
Jawatankuasa Pendidikan Undang-Undang Berterusan

## AMALAN KONVEYANSING

Pengerusi : Lim Chee Wee

Ahli-ahli : Yeap Siew Teng  
Wong Lu Peen  
Woon Lee Been  
Michael Chai Woon Chew  
Ivan Wong Ee-Vern  
Doris Liew Lee Mei  
Chiam Tow Loon  
Angelyn Lee Wei Ching  
Karin Lim  
Gan Ping Nan  
Elizabeth Lee  
Nuraznira Nazreen Mohd Azmi

Jawatankuasa kecil ini telah ditubuhkan untuk memenuhi keperluan dan permintaan ahli Bar KL yang menjalankan amalan Conveyancing. Terma ini merupakan suatu terma penuh peristiwa bagi Jawatankuasa Kecil yang baru. Aktiviti-aktiviti Jawatankuasa Kecil adalah seperti berikut:

1. Ahli-ahli Jawatankuasa Kecil telah berjumpa dengan wakil-wakil Pejabat Tanah Selangor pada 30 Mac 2004, 27 Mei 2004 dan 27 Julai 2004 untuk berbincang mengenai cara-cara efektif untuk menyelesaikan timbunan hakmilik di Pejabat Tanah. Hasil daripada mesyuarat-mesyuarat ini, Sekretariat KL Bar telah mengirinkan surat-surat peringatan kepada firma-firma guaman untuk mengambil hakmilik dan notis-notis juga telah diposkan pada laman web Bar KL. Ada beberapa kali, kakitangan Sekretariat terpaksa membuat panggilan telefon untuk mengingatkan ahli-ahli untuk mengambil hakmilik tersebut. Tindakan ini ternyata telah berjaya. Selain dari tindakan ini, beberapa masalah lain yang dilalui oleh ahli-ahli telah dibawa ke perhatian Pejabat Tanah.
2. Seorang daripada ahli Jawatankuasa Kecil telah menghadiri Dialog Informal di antara Pegawai-Pegawai Pejabat Tanah Selangor dan Pemaju Perumahan untuk menyelesaikan isu persetujuan menyeluruh untuk perserahan pindahmilik di Selangor.
3. Jawatankuasa Kecil akan menjalankan tinjauan di kalangan ahli-ahli Bar KL berkaitan dengan penguatkuasaan "SRO" dan "Waiver Rules" dan hasilnya akan dikemukakan ke Majlis Peguam.
4. Akhirnya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Jawatankuasa Kecil yang telah memberikan bantuan yang sangat berharga dan khasnya kepada Cik Wong Lu Peen yang telah memberikan komitmen yang berterusan.

Lim Chee Wee  
Pengerusi  
Jawatankuasa Amalan Konveyansing

## UNDANG-UNDANG ALAM SEKITAR

Pengerusi : Sanjeev Kumar Rasiah

Ahli-ahli : Asmet Nasruddin  
Nurliza Ramli  
Karen Kimkana  
Sharon Tan  
Rajasundram  
Balbir Singh

Goh Hoon Huar  
Shishila Surya Kasim  
Steven Cheok Hou Cher  
Kumar Thuraisingam  
Anne Wong Wai Yee  
Elizabeth Lee Pei Shen

Ahli Jawatankuasa Kecil Undang-undang Alam Sekitar (ELC) 2004/2005 telah mengambil alih tugas secara rasminya pada 13 April 2004 apabila ahli jawatankuasa untuk tahun yang melapor telah mengadakan mesyuarat pertamanya. Jawatankuasa kecil ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada semua ahli peguam Kuala Lumpur apabila seramai 12 ahli yang telah menyertai jawatankuasa kecil ini sebaik sahaja jemputan diedarkan kepada semua ahli KL Bar untuk menyertai pelbagai program dan menjadi ahli jawatankuasa kecil ini di bawah Bar KL. Sebahagian daripada ahli jawatankuasa yang menawarkan masa dan tenaga mereka sepanjang tempoh percubaan itu adalah juga merupakan sebahagian daripada ahli jawatankuasa ELC untuk 2003/2004.

Semasa mesyuarat pertama diadakan, ahli-ahli ELC telah memutuskan bahawa mereka akan meneruskan dan menyiapkan segala projek yang mana masih belum selesai sejak daripada ELC 2003/2004 kerana sebahagian daripada projek-projek yang tertunggak itu hanya berada di peringkat pelaksanaan.

Berikut adalah projek-projek yang telah dikendalikan oleh ahli jawatankuasa sementara tersebut:

### **MEMORANDUM TERHADAP PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

Memorandum ini telah disediakan oleh Puan Animah Kosai yang merupakan bekas pengerusi ELC bagi sesi 2002/2003. Memorandum ini telah disediakan lanjutan daripada ketidakpuasan terhadap peranan yang dimainkan oleh kounselor pihak berkuasa tempatan dalam menangani masalah alam sekitar di peringkat tempatan seperti penggunaan semula bahan-bahan terbuang, pengumpulan sampah sarap, pembekalan air, pencemaran alam sekitar, kesesakan lalu lintas, aktiviti hiburan dan rekreasi, dan pelbagai bidang lain yang merupakan tanggungjawab pihak berkuasa tempatan. Memorandum tersebut juga menyentuh mengenai perlantikan kounselor pihak berkuasa tempatan dan kelonggaran terhadap syarat-syarat pemilihan untuk perlantikan tersebut.

Memorandum ini telah dibentangkan kepada Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Yang Berbahagia Dato' Hj Azidah binti Datuk S.P. Hj Mohd Dun pada 4 November 2004 di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan oleh pengerusi ELC bersama-sama dengan ahli jawatankuasa yang lain. Pihak Kementerian telah menjemput pihak media untuk membuat liputan mengenai pembentangan ini dan peristiwa ini telah dilaporkan di dalam beberapa suratkhbar tempatan, yang mengetengahkan beberapa isu-isu penting yang terkandung di dalam memorandum tersebut. Yang Berbahagia, Timbalan Menteri telah memberikan jaminannya bahawa pihak Kementerian akan mempertimbangkan cadangan-cadangan yang terkandung di dalam Memorandum tersebut. Pihak ELC berharap agar tindak balas daripada pihak Kementerian akan dapat diterima dalam waktu terdekat ini.

### **PERKHEMAHAN KANAK-KANAK ELC BAR KL -MNS DI FRIM**

ELC dan Malaysian Nature Society telah bersama-sama menganjurkan kem perkhemahan kanak-kanak selama 3 hari bermula dari 24 September 2004 sehingga 26 September 2004 bertempat di Forest Research Institute Malaysia (FRIM), Kepong. Para peserta kem kanak-kanak ini terdiri daripada kanak-kanak sekolah dari seluruh Semenanjung Malaysia yang merupakan ahli "Kelab Pencipta Alam" di sekolah masing-masing. Acara ini merupakan satu kejayaan besar memandangkan 26 kanak-kanak sekolah daripada seluruh Semenanjung Malaysia telah berkunjung ke Kepong untuk menghadiri perkhemahan ini, ditemani oleh guru-guru sekolah mereka sendiri. Anak-anak kepada ahli-ahli Bar KL juga telah menyertai perkhemahan ini. Perkhemahan ini adalah bertujuan untuk menyedarkan dan mendidik anak-anak muda kepada kepentingan menjaga alam sekitar dan keperluan untuk memelihara dan menjaga alam sekitar.

Kos Kem Perkhemahan kanak-kanak ini adalah ditanggung sepenuhnya oleh ELC daripada tabung kutipan projek "Sharkie" yang dianjurkan oleh ELC 2001/2002 dan daripada lebihan wang yang dikumpul daripada projek-projek ELC yang lain sepanjang tahun. Diharap dengan adanya sokongan daripada pihak Bar KL, ELC akan terus dapat menganjurkan program perkhemahan kanak-kanak seumpama itu lagi di lain hari kerana sambutan daripada perkhemahan pada tahun ini amat menggalakkan dan ini adalah bukti kepada minat kanak-kanak terhadap isu alam sekitar ini.

### **LAWATAN KE FIREFLY PARK RESORT, KUALA SELANGOR**

Pada 17-7-2004, pihak ELC telah menganjurkan satu lawatan ke Firefly Park yang terletak di Kuala Selangor, yang menjadi topik hangat sekarang ini lanjutan daripada kepupusan populasi kunang-kunang di taman tersebut akibat daripada pencemaran dan pembangunan. 17 ahli Bar KL bersama-sama dengan keluarga masing-masing telah menyertai lawatan ini. Lawatan ini termasuklah hidangan makan malam di Firefly Park Resort sebelum para peserta dibawa dengan menaiki bot untuk melihat kunang-kunang berterbangan dibawah langit yang gelap.

Selain daripada bertujuan untuk mengumpul ahli-ahli Bar KL, lawatan tersebut juga bertujuan untuk menyedarkan ahli-ahli Bar KL mengenai populasi kunang-kunang di taman tersebut. Resort tersebut sebelum ini adalah terkenal sebagai kawasan populasi kunang-kunang yang terbesar di dunia, iaitu sebelum terjadinya kepupusan populasi kunang-kunang beberapa tahun kebelakangan ini akibat daripada pembinaan kilang-kilang dan pembuangan sisa-sisa di sepanjang garisan pantai Kuala Selangor.

#### **KEMENTERIAN SUMBER ALAM DAN ALAM SEKITAR**

Di bawah pemerintahan Yang Amat Berhormat Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelima, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah diwujudkan secara khususnya, dan penubuhan ini amat dialu-alukan oleh pihak pencinta alam sekitar termasuklah pihak ELC. ELC telah memutuskan bahawa ahli jawatankuasa haruslah memainkan suatu peranan dalam polisi undang-undang pembangunan alam sekitar di negara ini. Oleh yang demikian, ia telah memutuskan bahawa ELC haruslah mempunyai jalinan kerja yang baik dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, terutama sekali Jabatan Alam Sekitar. ELC juga menyahut panggilan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang telah menjemput mana-mana pihak yang berminat untuk melibatkan diri dalam pindaan undang-undang alam sekitar di Malaysia. ELC telah memutuskan untuk menyahut seruan Kementerian tersebut kerana ELC adalah merupakan organisasi yang terbaik untuk memberi pandangan yang bernas berkenaan undang-undang yang berkaitan memandangkan ia adalah sebuah organisasi yang mewakili semua peguam di Kuala Lumpur.

Pada 9.09.2004, di atas permintaan ELC dan jemputan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, pengerusi ELC dan beberapa ahli ELC yang lain telah berjumpa dengan Timbalan Menteri Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Dato' Sothinthan bersama dengan beberapa pegawai atasan dari kementerian beliau untuk berbincang mengenai cara-cara bantuan yang boleh dihulurkan oleh pihak ELC untuk membantu pihak Kementerian dalam meminda pelbagai undang-undang yang berkaitan dengan isu alam sekitar di Malaysia. Mesyuarat tersebut amat memberangsangkan dan produktif dan pihak Kementerian telah bersetuju untuk membentuk jalinan kerja dengan pihak ELC dan menganjurkan beberapa sesi dialog dengan pihak Kementerian.

Lanjutan daripada mesyuarat dengan Timbalan Menteri pada 13.10.2004 ELC telah dijemput untuk menyertai suatu sesi dialog dengan beberapa badan NGO bersama-sama dengan pegawai-pegawai atasan Jabatan Alam Sekitar mengenai kekurangan di dalam undang-undang alam sekitar. Pengerusi ELC bersama-sama dengan seorang ahli jawatankuasa kecil telah mewakili ELC di dalam mesyuarat tersebut. Kehadiran ELC di dalam sesi tersebut telah dialu-alukan oleh pegawai daripada Jabatan Alam Sekitar dan juga badan NGO untuk memainkan suatu peranan untuk memberikan pendapat mengenai kekurangan kepada undang-undang alam sekitar dan juga kepada cadangan-cadangan yang telah pun dikemukakan oleh beberapa badan NGO sebelum itu yang telah berjumpa dengan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar di suatu sesi dialog yang berlainan.

ELC berharap dengan terjalannya suatu akses kepada Kementerian serta Jabatan Alam Sekitar, Bar KL khususnya melalui ELC akan terus mara ke hadapan untuk mendapatkan pindaan-pindaan kepada beberapa undang-undang alam sekitar dan untuk terus mengadakan sesi dialog dengan badan-badan yang relevan untuk mencapai matlamat untuk mengukuhkan lagi undang-undang alam sekitar di negara ini.

#### **KARBON KREDIT**

Demi meneruskan minat ELC terhadap Kyoto Protocol dan Karbon Kredit yang dipupuk oleh ELC tahun 2003/2004, suatu artikel berkenaan Karbon Kredit telah disiarkan di dalam Infoline isu Julai/Ogos/September 2004. ELC berharap bahawa artikel-artikel berkenaan dengan isu-isu alam sekitar akan mendapat perhatian di dalam publikasi Bar KL iaitu "Relevan" dan juga di dalam Infoline.

#### **PENUTUP**

ELC telah memulakan beberapa projek penting di dalam tahun ini. ELC juga telah mencadangkan beberapa projek yang lain dengan matlamat untuk menjadikan isu alam sekitar suatu matlamat penting untuk ELC. Di antara projek-projek ini ialah untuk menghidupkan semula kempen 3R dan Kitar Semula di kalangan firma-firma guaman, kertas kerja mengenai laporan "Environmental Impact Assessment" dan keberkesanannya dan juga menerajui suatu kempen untuk mengekalkan habitat semulajadi di negara ini. Lanjutan daripada tragedi tsunami, ELC berharap bahawa isu-isu alam sekitar akan kini mendapat perhatian lebih di kalangan semua pihak.

Akhir kata, Pengerusi ELC mengucapkan rasa penghargaan kepada ahli-ahli jawatankuasa kecil ELC yang telah secara sukarela menawarkan masa dan tenaga untuk berkhidmat di dalam ELC tahun 2004/2005 dan juga penghargaan kepada ahli-ahli Bar KL yang telah menyokong aktiviti-aktiviti ELC sepanjang tahun lepas dan tahun ini.

Sanjeev Kumar Rasiah  
Pengerusi  
Jawatankuasa Undang-Undang Alam Sekitar

Pengerusi : Abdul Rashid Ismail

Ahli-ahli : Hasnal Bin Hashim  
Samuel Hong  
Wong Shou Sien  
Fahri Azzat  
Teo Chiang Chye  
Sonya Liew Yee Aun  
Johanna Ibrahim

Haslyna Hashim  
Samirah Muzaffar  
Syed Naqiz Shahabuddin  
Ding Jo-Ann  
Lee Sung Wah  
Michael Chai Woon Chew

1. Tahun ini merupakan tahun yang sangat menarik bagi Jawatankuasa Teknologi Maklumat Bar KL (“Jawatankuasa ini”), di mana kami telah memulakan dan melaksanakan beberapa projek-projek yang telah ditetapkan untuk tahun ini.
2. Secara ringkasnya, tahun ini Jawatankuasa ini terlibat di dalam:
  - Mengubah suai laman web Bar KL
  - Mengeluarkan satu panduan Teknologi Maklumat untuk ahli-ahli
  - Menganjurkan seminar-seminar yang berkaitan dengan Teknologi Maklumat
  - Mengelolakan pesta Teknologi Maklumat

### Laman Web Bar KL

3. Sekiranya anda masih belum berpeluang untuk melayari laman web yang telah diubah suai, kami dengan hormatnya menjemput anda untuk berbuat demikian. Kami gembira dengan laman web baru ini yang mempunyai nadi baru dan lebih moden. Laman web ini telah direkabentuk supaya ianya lebih mudah dikendalikan oleh ahli-ahli semasa melayarinya dan lebih cepat di dalam memperolehi maklumat-maklumat yang praktikal. Kami juga telah menyediakan ruang-ruang pengiklanan supaya laman web ini boleh menjadi sumber pendapatan kepada Bar KL and juga supaya ahli-ahli mempunyai akses kepada informasi-informasi berkenaan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang berguna untuk amalan guaman dengan menekan satu butang sahaja.
4. Laman-laman web baru telahpun dimasukkan yang mana antara lainnya adalah:
  - Penyenaraian Mahkamah
  - Iklan-iklan
  - Direktori yang mengandungi pelbagai maklumat yang berguna
  - Amalan Guaman
  - Rangkaian – menyediakan rangkaian laman-laman web undang-undang yang berkaitan dan relevan.
  - Perkhidmatan untuk Ahli-ahli
  - Statistik Ahli-ahli
  - Maklumat Awam
  - Kekosongan Untuk Pelatih dalam kamar
5. Ahli-ahli akan menerima satu “bookmark” yang diberikan secara percuma oleh Jawatankuasa yang meringkaskan kemudahan-kemudahan yang ada di laman web ini.
6. Jawatankuasa juga telah mengeluarkan satu *E-newsletter* yang akan diedarkan kepada semua ahli-ahli secara mingguan untuk memaklumkan ahli-ahli apa yang terdapat di laman web serta mengalakkan penggunaannya.

### Panduan Teknologi Maklumat Bar KL

7. Pembelian sesuatu sistem Teknologi Maklumat untuk kegunaan pejabat merupakan salah satu daripada perbelanjaan yang tinggi untuk sesebuah firma guaman. Sebarang kesilapan daripadanya juga boleh menyebabkan kerugian yang amat kepada firma guaman tersebut. Oleh itu, Jawatankuasa tahun ini telah memutuskan bahawa ahli-ahli akan mendapati bahawa satu panduan Teknologi Maklumat amat berguna. Panduan ini akan diberikan secara percuma untuk membantu ahli-ahli yang ingin memulakan satu sistem Teknologi Maklumat di pejabat. Kami menganggarkan bahawa panduan ini akan siap untuk pengedarannya pada

akhir bulan Mac 2005.

### **Seminar Teknologi Maklumat Bar KL**

8. Tiga seminar telah dianjurkan untuk tahun ini. Jawatankuasa ini telah menganjurkan satu seminar berkenaan "*Using Technology to Support Case Preparation, Advocacy & Practice Management*" yang telah dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama Seminar tersebut telah diadakan pada 23.3.2004 manakala bahagian kedua telah diadakan pada 1.4.2004.
9. Pada 21.8.2004 satu seminar telah dianjurkan secara usahasama dengan Jawatankuasa CLE Bar KL, Cik Wong Shou Sien yang merupakan seorang ahli jawatankuasa kami telah memberikan ceramah berkenaan "*The ICT Revolution : The Challenges And the Need To Regulate E-Commerce*". Lebih kurang 39 ahli telah menghadirinya dan kami amat berbangga dengan minat dan juga kehadiran yang telah ditunjukkan oleh ahli-ahli.
10. Pada 7.3.2005, Jawatankuasa ini akan menganjurkan satu lagi seminar secara usahasama dengan Business Network Solutions yang bertajuk "*Turning Costs into Profits because it is a Business*".

### **Pesta Teknologi Maklumat Bar KL**

11. Pada 10.3.2005, Jawatankuasa akan mengelolakan satu pesta teknologi maklumat untuk membolehkan ahli-ahli melihat produk undang-undang Teknologi Maklumat yang terkini berada di pasaran.

### **Ucapan Terima Kasih**

12. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beberapa ahli-ahli Jawatankuasa ini yang telah meluangkan masa mereka dengan mengambil bahagian dan menjadikan pelbagai aktiviti-aktiviti kami suatu kejayaan.
13. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada:
  - Samuel Hong dari Tetuan Zain & Co atas sumbangan besar beliau
  - Fahri Azzat dari Tetuan. Azzat & Izzat kerana menyediakan satu penulisan untuk ruangan amalan guaman di laman web
  - Hasnal Hashim dari Tetuan Chung Hasnal & Partners kerana mendapatkan maklumat dan kebenaran dari agensi-agensi kerajaan yang berkaitan
  - Wong Shou Sien dari Tetuan Raja, Darryl & Loh kerana bantuan beliau di dalam menyediakan perjanjian-perjanjian yang berkaitan
  - Kavitha Thilagar dari Sekretariat Bar KL kerana sumbangan beliau untuk aktiviti-aktiviti Jawatankuasa ini
14. Saya sesungguhnya berharap agar kami telah dapat berkhidmat kepada ahli-ahli dalam menyediakan informasi yang lebih praktikal dan penyelesaian yang inovasi di dalam amalan guaman mereka.

Abdul Rashid Ismail  
Pengerusi  
Jawatankuasa Teknologi Maklumat

## PERHUBUNGAN AWAM DAN MAHKAMAH

Pengerusi : R. Ravindra Kumar

Ahli-ahli :	Teh Yoke Hooi	Sivanesan Nadarajah
	Dahlia Lee Wooi Mien	Sivakumar Kanagasabai
	Lee Chin Peow	N. Sivananthan
	Mathew Thomas Philip	Justin Voon Tiam Yu
	Rohini Alagendra	Francis Soh
	Rajesh Kumar	Elaine Law Soh Ying
		Ragunath Kesavan

Sukacita saya sekali lagi menjadi Pengerusi bagi jawatankuasa kecil ini. Sebagai permulaan, kami telah menghantar satu pekeliling menjemput ahli-ahli Bar KL untuk menunjukan sebarang sungutan atau kebimbangan mereka berkenaan dengan pentadbiran keadilan di mahkamah-mahkamah di Kuala Lumpur dan/atau agensi-agensi Kerajaan.

Berdasarkan maklumbalas yang telah diterima daripada ahli-ahli, kami telah menjalankan rancangan kami untuk mengalamatkan kebimbangan-kebimbangan tersebut di forum-forum yang telah diadakan sepanjang tahun.

### **Mesyuarat dengan Ketua Hakim Shah Alam pada 7.5.2004**

Kami telah dijemput menghadiri mesyuarat tersebut yang diaturkan oleh Jawatankuasa Bar Selangor. Cik Teh Yoke Hooi telah mewakili jawatankuasa ini dalam mesyuarat tersebut. Salinan minit mesyuarat tersebut telah dihantar kepada ahli-ahli pada 17.5.2004 melalui pekeliling. Mesyuarat tersebut berjalan dengan baik dan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Cik Teh yang telah mengajukan isu-isu yang dibangkitkan oleh ahli-ahli di mesyuarat tersebut.

### **Mesyuarat dengan badan kehakiman Mahkamah Sesyen Klang pada 20.8.2004**

Mesyuarat ini telah diaturkan oleh Jawatankuasa Bar Selangor dan Cik Elaine Law telah mewakili jawatankuasa ini dalam mesyuarat tersebut. Salinan minit mesyuarat tersebut telah dihantar kepada ahli-ahli melalui e-mel. Banyak isu-isu telah diutarakan dan terdapat kebimbangan-kebimbangan yang dilafazkan oleh mahkamah dan pegawai-pegawai pendakwaan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Cik Law untuk bantuannya dalam hal ini.

### **Mesyuarat dengan Hakim-hakim Bahagian Rayuan dan Kuasa-Kuasa Khas pada 28.8.2004**

Mesyuarat dengan Hakim-hakim, Timbalan-timbalan Pendaftar dan Pendaftar-pendaftar Bahagian Rayuan dan Kuasa-Kuasa Khas telah dijalankan dengan jayanya. Mesyuarat tersebut amat positif dan kebanyakan daripada cadangan-cadangan dan kebimbangan-kebimbangan yang dibangkitkan telah dialamatkan. Salinan minit mesyuarat tersebut telah dihantar kepada ahli-ahli melalui e-mel pada 14.10.2004. Permintaan kami untuk senarai kausa Pendaftar-pandaftar telah diterima dengan baik. Ahli-ahli kini boleh mengakses keseluruhan senarai kausa untuk Bahagian ini di laman web Bar KL. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Encik Mathew Thomas yang telah menyiapkan minit untuk mesyuarat ini.

### **Pertemuan dengan Dato' Musa, Pengarah Bahagian Penyiasatan Jenayah pada 28.10.2004**

Pengerusi KLBC dan ahli-ahli jawatankuasa ini telah bertemu dengan Dato' Musa. Tujuan pertemuan ini adalah untuk membina satu ruang bagi membolehkan perbincangan di masa hadapan berkenaan masalah-masalah yang dihadapi oleh pengamal-pengamal undang-undang jenayah kami. Pertemuan ini berjalan dengan baik dan Dato' Musa terbuka kepada cadangan untuk memelihara satu saluran 2-hala. Sepertimana yang diketahui ahli-ahli, Dato' Musa kini adalah Timbalan IGP. Jawatankuasa yang berikutnya sememangnya perlu menyusuli dengan perbincangan-perbincangan selanjutnya dan adalah diharapkan banyak lagi akan diperolehi di masa yang akan datang. Terima kasih kepada Encik Sivanesan yang telah menguruskan mesyuarat ini.

### **Mesyuarat dengan Hakim dan Pendaftar-pendaftar Bahagian Dagang Mahkamah Tinggi pada 29.10.04**

Mesyuarat dengan Bahagian Dagang yang telah dihadiri oleh Dato' Vincent Ng dan pendaftar-pendaftar dari mahkamah-mahkamah berjalan dengan baik. Terutamanya, jawatankuasa ini telah membangkitkan kebimbangan-kebimbangan ahli-ahli berkenaan mahkamah-mahkamah Bankrapsi. Salinan minit mesyuarat tersebut telah dihantar kepada semua ahli-ahli pada 4.11.2004. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Encik Rajesh Kumar yang telah menyiapkan minit untuk mesyuarat ini.

### **Mesyuarat dengan Dato' James Foong dan Pendaftar-pendaftarnya di Bahagian Sivil pada 25.1.2005**

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Dato' James Foong dalam kehadiran Dato' Azmel. Pendaftar-pendaftar dan Timbalan-timbalan Pendaftar turut hadir. Banyak isu-isu telah dibangkitkan dan dialamatkan di mesyuarat tersebut. Sukacita saya memaklumkan bahawa kami telah berjaya memperolehi keseluruhan senarai kausa untuk Bahagian ini dan yang sama akan ditampalkan di laman web Bar KL. Salinan minit mesyuarat akan dihantar kepada ahli-ahli. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Cik Dahlia Lee yang telah berhubung dengan Bahagian ini dan juga telah menyiapkan minit untuk mesyuarat ini.

### **Cadangan mesyuarat dengan Hakim-hakim Mahkamah-mahkamah Sesyen dan Majistret-majistret di Kuala Lumpur**

Saya telah beberapa kali dengan sendirinya bertemu dengan Dato' Azman, Hakim Kanan Mahkamah Sesyen yang terdahulu untuk mengatur satu mesyuarat. Pada hakikatnya, satu mesyuarat telah dijadualkan pada September 2004 dengan beliau dan hakim-hakim yang lain tetapi terpaksa ditangguhkan memandangkan beliau telah dipindahkan pada Oktober 2004. Kemudian dari itu saya telah bertemu dengan Hakim Kanan yang baru iaitu Puan Yamuna Menon untuk meminta satu tarikh mesyuarat. Pelbagai isu-isu yang dibangkitkan oleh ahli-ahli kami telah dibawa kepada perhatiannya dan beliau bersetuju untuk meninjaunya dan kini sedang dalam proses membuat perubahan-perubahan. Ahli-ahli adalah diyakinkan bahawa semua isu-isu kebimbangan sedang dialamatkan secara ad-hoc sementara menunggu satu mesyuarat rasmi.

### **Buku-buku teks Undang-undang bagi Mahkamah-mahkamah Rendah**

Untuk manfaat ahli-ahli, laporan-laporan undang-undang dan buku-buku teks telah dipindahkan dari Sekretariat Bar KL ke Bilik Peguam di Mahkamah Majistret Jalan Raja. Ahli-ahli telah dimaklumkan mengenai pemindahan ini melalui e-mel pada 15.10.2004. Adalah diharapkan bahawa ahli-ahli akan menggunakan sepenuhnya sumber-sumber ini.

Sukacita saya memaklumkan bahawa jawatankuasa ini telah berjaya mencapai hampir kesemua rancangan-rancangan kami yang ditetapkan untuk tahun ini. Tambahan pula, terdapat beberapa pertemuan ad-hoc yang dijalankan di pelbagai peringkat secara kes ke kes dalam aturan kepentingan.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada setiap ahli jawatankuasa ini yang telah bertungkus-lumus dalam mengenalpasti dan mengalamatkan isu-isu di pelbagai peringkat untuk membantu mempertingkatkan sistem pengamalan perundangan di Kuala Lumpur. Sudah tentu ini tidak berjaya tanpa dedikasi dan komitmen mereka.

Terima kasih juga kepada Mary, Kavita dan kakitangan di Sekretariat di atas pertolongan mereka yang terharga sepanjang terma saya.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi Bar Kuala Lumpur, Encik Jerald Gomez dan rakan-rakan sekerja saya di Jawatankuasa Peguam KL di atas sokongan dan penglibatan mereka dalam mesyuarat-mesyuarat kami dengan badan kehakiman.

Adalah memberangsangkan bahawa badan kehakiman terbuka kepada menerima cadangan-cadangan daripada KLBC. Jawatankuasa ini berharap untuk membina perhubungan ini dan akan terus memperjuangkan dan mengalamatkan isu-isu kebimbangan yang menjejaskan pentadbiran keadilan.

R. Ravindra Kumar  
Pengerusi  
Jawatankuasa Perhubungan Awam dan Mahkamah

## SURAT BERITA RELEVAN

Ahli-ahli Lembaga Pengarang:

Lim Chee Wee (Pengarang)  
Gopal Sreenevasen  
Ravindran Nekoo  
Nicole Fiona Wee Sue-Ren  
Brendan Navin Siva  
K Shanmuga  
Rishwant Singh  
Cheng Poh Heng  
Francis Soh  
Bernard Francis  
Jeswynn Yogarathnam (“Invitee”)

1. Lembaga Pengarang telah membuat keputusan berdasarkan objektif-objektif berikut bagi termanya:
  - (1) untuk meneruskan kerja baik yang telah dilakukan oleh Lembaga Pengarang yang lalu di dalam menghasilkan 4 terbitan suku tahunan;
  - (2) untuk menjalankan temuramah dengan peguam-peguam dan hakim-hakim kanan (sama ada masih bertugas ataupun sudah bersara) sebagai satu keluaran tetap;
  - (3) untuk menambahkan hasil mencukupi daripada iklan-iklan untuk menampung sekurang-kurangnya 50% kos cetakan dan pengedaran Relevan; dan
  - (4) untuk memperbaiki kuantiti dan kualiti penulisan, artikel yang dicetak dan reka letak.
2. Persembahan sebenar kami diukur berdasarkan objektif adalah seperti berikut:
  - (1) bermula tarikh cetakan laporan ini, kami telah berjaya menghasilkan 3 terbitan walaupun sedikit lewat kerana keperluan masa yang lebih untuk memuktamadkan transkrip temuramah dan pengesahan iklan-iklan. Kami sedang mengusahakan terbitan terakhir kami sasarkan untuk dicetak sekitar masa Mesyuarat Agung Tahunan Bar KL.
  - (2) Temuramah yang dijalankan amat diminati dan kami telah menerima maklumbalas positif daripada pembaca kami. Temuramah bersama Dato’ VC George telah dicetak sekali lagi di dalam Perutusan Negeri Bar yang lain.
  - (3) Kami telah mengutip hasil iklan sejumlah RM11,306.91 untuk 3 terbitan mencukupi untuk membiayai 44% kos cetakan dan pengedaran. Peningkatan jumlah ahli-ahli Bar KL bermaksud bertambahnya kos.
  - (4) Berkenaan artikel-artikel, kami telah mendapat hasil yang bercampur di mana terdapat beberapa aduan berkaitan dengan kekurangan artikel yang mengandungi “punch” berbanding keluaran yang lalu. Kami telah menangani masalah ini dan pembaca akan menilai sendiri usaha kami. Kami telah berjaya untuk menarik jumlah yang besar di kalangan penyumbang. Reka letak majalah juga telah bertambah baik dengan adanya seorang pereka baru.
3. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada setiap seorang ahli Lembaga Pengarang ke atas komitmen, usaha dan masa mereka. Terbitan ini tidak mungkin dapat dihasilkan tanpa sumbangan mereka dan juga ahli-ahli Bar KL yang telah menyumbang dengan menulis kepada kami. Selain ahli-ahli, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Cik Robyn Choi kerana bantuan beliau di dalam temuramah dengan Encik Lim Kean Chye dan Cik Kavitha, Pegawai Eksekutif kami, yang tidak berhenti-henti menyumbang tenaga untuk membawa hasil untuk Relevan.

Lim Chee Wee  
Pengerusi  
Lembaga Pengarang Relevan

## SOSIAL DAN KEBAJIKAN PELATIH

Pengerusi : Colin Andrew Pereira

Ahli-ahli :	Ivan Wong Ee-Vern	Jill Yow Pit Kin
	Reggie Wong Mew Sum	Sharon Tan
	Kalathevy Sivagnanam	Elaine Ho
	Natalie Peh Suan Wan	Philip Huang
	Sakthi Perumal	Fiona Lee
	Andrew Shee Hoon Joo	Streisand Beh
	Nik Azfa Mohd Noor	Natasha Agil
	Ruby Rabi Mat Rabi	Chua Sook Mun

Pada tahun ini, Jawatankuasa Sosial dan Kebajikan telah digabungkan dengan Jawatankuasa Kebajikan Pelatih.

### **Majlis Makan Malam & Tarian Tahunan**

Majlis Makan Malam & Tarian Tahunan telah diadakan pada 11 Disember 2004 di Sheraton Imperial dengan tema, "The Masquerade Party". Kira-kira 480 orang tetamu termasuk Hakim-hakim telah menghadiri majlis tersebut. Sempena majlis tersebut, satu buku cenderamata yang mencatatkan ringkasan aktiviti Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur sepanjang tahun yang lalu telah diterbitkan. Pihak Jawatankuasa ingin merakamkan ucapan terima kasih bagi sokongan yang diterima daripada pelbagai firma-firma serta ahli individu.

### **Pertemuan Sosial**

Pertemuan Sosial di Finnegan's Hartamas dilaksanakan bersama Jawatankuasa Peguam-Peguam Muda pada 19 Ogos 2004. Ia adalah disambut meriah sekali.

### **Pertandingan Pidato Dato' Dr Peter Mooney**

Pertandingan Pidato buat kali kedua adalah dijadualkan pada 5 Mac 2005. Terdapat dua kategori yang dicadangkan, iaitu untuk pelatih-pelatih dalam kamar dan untuk peguam-peguam yang mempunyai sehingga 3 tahun pengalaman selepas kelayakan.

### **Pendermaan Darah**

Satu kempen menderma darah yang dianjurkan bersama Pusat Darah Negara telah diadakan di bilik peguam di Mahkamah Rendah di Jalan Raja pada 26 Ogos 2004.

### **Istiadat "Reference"**

Istiadat Reference telah diadakan pada 27 November 2004 bagi mengingati ahli-ahli yang telah meninggal dunia dalam tahun ini:

1. Murugavell Arumugam
2. Zainoon Binti Zakariah
3. Divakaran Mathavan Nair
4. Loo Han Keang
5. T. Selvarasan
6. Datuk Sivalingam Munusamy

Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur telah diwakili oleh Encik Jerald Gomez, Majlis Peguam diwakili oleh Tuan Haji Sulaiman dan Kamar Peguam Negara diwakili oleh Dato' Abd Rahim Bin Uda. Pihak jawatankuasa ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada peguam-peguam tersebut serta kepada Yang Arif Dato' Md. Raus Bin Sharif kerana bersetuju untuk mempengerusikan upacara tersebut.

### **Bantahan kepada Petisyen Pelatih**

Dalam tahun ini, terdapat bantahan terhadap petisyen seorang pelatih untuk diterima sebagai seorang Peguambela dan Peguamcara. Selepas mengkaji fakta-fakta, pihak jawatankuasa telah berpuas hati bahawa tiada dasar bagi bantahan tersebut dan menyokong pelatih tersebut dalam petisyennya. Yang Arif Hakim, selepas mendengar hujahan, telah menolak bantahan tersebut dan menerima masuk pelatih yang terlibat.

Pihak jawatankuasa ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Cik Sa'adiyah Bt. Din kerana telah mewakili Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur dalam prosiding tersebut.

### **Taklimat kepada Pelatih**

Bagi memastikan majlis “*long call*” berjalan dengan lancar, sesi-sesi taklimat telah diadakan untuk semua pelatih sebelum upacara penerimaan mereka. Jawatankuasa juga telah membantu pelatih-pelatih mendapatkan *mover* untuk upacara penerimaan mereka.

### **Jamuan Selepas “Long Call”**

Dahulunya adalah menjadi satu tradisi bagi Jawatankuasa Peguam (suatu amalan yang masih dipraktikkan di negeri-negeri lain) di mana pelatih-pelatih yang telah diterima masuk akan mengadakan suatu majlis jamuan. Pihak Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur, menyedari bahawa adalah agak rumit bagi kesemua pelatih-pelatih yang diterima untuk sama-sama menjadi tuan rumah bagi majlis jamuan, tetapi pada masa yang sama mengharapkan agar dapat mengekalkan tradisi ini, telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan majlis tersebut selepas tiap-tiap majlis “*Long Call*”, kecuali semasa bulan puasa.

### **Majlis Pertemuan Ahli-ahli Badan Kehakiman dan Bar Kuala Lumpur dan Selangor**

Satu majlis perhimpunan antara ahli-ahli Bar Kuala Lumpur dan Selangor serta ahli-ahli Badan Kehakiman telah diadakan pada 4 Februari 2005 di Kelab Diraja Selangor.

### **Penerimaan Masuk Peguambela dan Peguamcara**

Pada tahun 2004, terdapat 727 penerimaan masuk peguambela dan Ppeguamcara yang baru di Kuala Lumpur. Pihak Jawatankuasa ingin merakam terima kasih kepada peguam-peguam tersebut di bawah yang telah mewakili Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur semasa “*Long Call*” tersebut:

1. Cik Mazlinda Makhzan
2. Encik Kitson Foong
3. Encik Loh Chien Hsiung
4. Cik Selvi Kanagasabai
5. Encik Mohamad Isherafar Bin Ali Mohamad
6. Encik R Rajes
7. Encik G K Ganesan
8. Encik Ganesa K Sinnadurai
9. Encik Alex Chang Huey Wah
10. Encik Loo Wi-Chung
11. Cik Yasmeen Bt Hj Muhamad Shariff
12. Encik Joy Appukuttan
13. Encik Francis Innasi Brigged
14. Cik Deepinder Kaur a/p Tara Singh
15. Cik Viola Lettice De Cruz
16. Cik Aimee Liew Sau Harn
17. Encik Chuah Haw Ping
18. Cik Yong Lai Ling
19. Cik J Rajaretnam
20. Cik Lee Poh Kwee
21. Cik Low Chooi Ping
22. Encik P Jayasingam
23. Datin Isharidah Ishak
24. Encik Ravi Nekoo
25. Cik Cheryl Ann Marie Nicholson
26. Cik Mallika Lee
27. Encik Indran Jeganathan

Colin Andrew Pereira  
Pengerusi  
Jawatankuasa Sosial dan Kebajikan Pelatih

# SUKAN

## 1. AHLI JAWATANKUASA

PENGERUSI : Anand Ponnudurai

Berikut adalah pengatur-pengatur (convenors) yang dilantik untuk menolong menganjurkan acara-acara sukan berikut:-

- i. Badminton : A.I. Nathan
- ii. Kriket : Alex De Silva
- iii. Golf : Koh Yew Chong
- iv. Hoki : Satvinder Singh
- v. Bola Jaring : Wong Keat Ching
- vi. Bola Sepak : Peter Ling
- vii. Skuash : Jayne Koe
- viii. Tennis : Robin Lim
- ix. Bola Tampar : Cheow Wee

## 2. SIRI TAHUNAN

### 2.1 Karnival Sukan Ke-16 – Bar KL lwn. Kelab Diraja Selangor (*Piala Pusingan (Challenge Trophy) Tan Sri Dato' Harun Hashim*)

Karnival Sukan Ke-16 pada awalnya dijadualkan pada 15 Januari 2005 di Kelab Diraja Selangor tetapi telah ditangguhkan oleh Kelab Diraja Selangor oleh kerana sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan dan sekarang dijadualkan pada bulan Mac, 2005. Persiapan-Persiapan kini giat dijalankan oleh pasukan-pasukan Bar KL untuk merampas balik Piala yang dimenangi oleh Kelab Diraja Selangor pada tahun yang lepas .

### 2.2 Sukan Bar KL/Selangor Ke-5 ( *Piala Pusingan Lall Singh Muker* )

Bar KL akan menjadi tuan rumah Siri ini yang akan diadakan pada 26 Februari, 2005 di beberapa tempat. Menurut permintaan Bar Selangor, beberapa acara sukan tambahan akan diadakan pada tahun ini. Acara-acara yang akan diadakan adalah badminton, bola sepak, bola jaring, darts, snooker, bola tampar dan hoki.

Selain itu, Perlawanan Golf Tahunan antara Bar KL dan Bar Selangor untuk Piala Kandiah Chelliah akan diadakan pada 25 Februari, 2005.

Sekali lagi, persiapan-persiapan tengah giat dijalankan oleh pasukan-pasukan Bar KL untuk merampas balik Piala yang dimenangi oleh Bar Selangor pada tahun yang lepas.

## 3. PERLAWANAN INTER STATE BAR

3.1 Satu perlawanan Bola Sepak Inter-State Bar telah dianjurkan oleh Majlis Peguam dan Bar Negeri Sembilan telah menjadi tuan rumah. Acara ini telah diadakan di Port Dickson pada 3 Julai 2004. Bar KL telah menghantar pasukan bola sepaknya dan selepas pertandingan selama dua(2) hari yang amat meletihkan, Bar KL telah muncul sebagai juara.

3.2 Pada masa yang sama, Bar Negeri Sembilan juga telah menjadi tuan rumah dalam Perlawanan Golf Inter-State yang juga telah diadakan di Port Dickson pada 3 Julai 2004. Bar KL telah menghantar satu kontingen besar yang terdiri daripada pemain-pemain golfnya yang terhandal tetapi hanya dapat muncul sebagai naib juara kepada Bar Selangor.

3.3 Majlis Peguam juga telah meminta Bar KL untuk menganjurkan dan menjadi tuan rumah dalam satu Perlawanan Badminton Inter-State Bar. Kami telah bersetuju dan satu perlawanan telah dianjurkan oleh Bar KL di Selangor Badminton Hall di Jalan Kampung Attap pada 2 Oktober 2004. Pasukan Bar KL telah muncul sebagai juara.

#### 4. Umum

##### 4.1 Badminton

- a. Dibawah pengaturan (convening) yang cekap oleh A.I Nathan yang juga merupakan Naib Presiden KL Badminton Association, acara badminton sangat aktif pada tahun ini. Bar KL mempunyai pemain-pemain badminton yang sangat handal dan mereka sering mengadakan perlawanan persahabatan dengan pasukan-pasukan badminton dari kelab-kelab dan organisasi-organisasi yang lain.
- b. Pada pertama kalinya, pada tahun ini , satu perlawanan badminton telah dianjurkan dalam format liga di SBA Hall pada setiap pagi Sabtu selama jangkamasa tiga (3) bulan iatu dari bulan Ogos hingga Oktober,2004. Untuk menarik minat, semua pemain yang ingin menyertai perlawanan diminta untuk memberikan nama mereka dan selepas itu, satu undian yang rawak dibuat untuk menentukan gandingan-gandingan bergu kerana liga ini hanya diadakan untuk acara bergu. Acara ini telah mendapat reaksi yang baik dan sebanyak tiga puluh dua (32) pasukan bergu yang dibahagikan kepada dua (2) kumpulan telah mengambil bahagian.

##### 4.2 Bola Sepak

Acara Bola Sepak 7-sepasukan Piala Kenangan Thayalan Ke-17 yang telah didermakan oleh Tetuan Skrine selalunya diadakan pada bulan Disember setiap tahun. Oleh kerana kesukaran untuk mendapatkan dua (2) padang yang berkeadaan baik untuk perlawanan ini pada bulan Disember, perlawanan ini akan diadakan pada 12 Mac 2005 di UNITEN, Bangi. Pertandingan ini menarik minat ramai dan turut disertai oleh peguam-peguam dari seluruh Negara.

##### 4.3 Bola Jaring

Peguam-peguam wanita sering mengadakan perjumpaan untuk bermain bola jaring di pelbagai tempat dan agak aktif kerana mereka bermain dengan pasukan bola jaring dari organisasi lain dan juga telah bermain dengan pasukan Bar negeri-negeri lain dalam perlawanan-perlawanan persahabatan.

##### 4.4 Bola Tampar

Bahagian bola tampar juga sangat aktif sejak kebelakangan ini dan permainan-permainan antara ahli-ahli sering dianjurkan di YMCA, Brickfields.

##### 4.5 Hoki

Bar KL telah menjadi tuan rumah kepada Bar Negeri Sembilan di Stadium Tun Razak dalam siri tahunan yang diadakan pada 27 Ogos 2004. Seperti dijangkakan, Bar KL sekali lagi muncul sebagai juara.

#### 5. Pesanan Terima Kasih

Ahli-ahli Jawatankuasa ingin merakamkan ucapan terima-kasih kepada semua pengatur-pengatur kerana mengorbankan masa dan tenaga untuk menganjurkan acara sukan masing-masing. Ahli Jawatankuasa juga ingin mengucapkan terima-kasih kepada semua penderma-penderma piala dan penajaan mereka dalam pelbagai cara pada tahun yang lalu yang telah banyak menyumbangkan kepada kejayaan pelbagai acara-acara sukan. Akhirnya, ahli-ahli jawatankuasa ingin mengucapkan terima kasih kepada semua ahli-ahli "sporting" yang telah menyertai dan memberi sokongan dalam pelbagai aktiviti-aktiviti Jawatankuasa Sukan dalam tahun-tahun yang lepas. Walaupun penyertaan telah meningkat dan agak mengalakkan secara umum, adalah diharapkan lebih ramai lagi ahli-ahli secara khususnya, peguam-peguam muda akan menyertai aktiviti-aktiviti pada tahun-tahun yang akan datang.

Anand Ponnudurai  
Pengerusi  
Jawatankuasa Sukan

Jawatankuasa Peguam-peguam Muda (atau lebih dikenali sebagai YLC) dimulakan khas untuk para peguam yang muda, dinamik dan sedang meningkat maju dalam negara. Istilah 'muda' tidak semestinya dikaitkan dengan usia, kerana ahli-ahli YLC terdiri daripada para peguam tidak lebih daripada 7 tahun dalam profesion guaman. Di tubuhkan pada tahun 1998, dan objektif utama jawatankuasa ini adalah untuk meningkatkan lagi tahap sistem undang-undang di negara ini, mengeratkan lagi hubungan pekerjaan para peguam, dan mengatasi menggubal undang-undang yang melarang para peguam muda daripada memegang jawatan di dalam Majlis Peguam serta Jawatankuasa Majlis Negeri. Selain itu, jawatankuasa ini juga sentiasa berusaha dalam pengendalian apa jua masalah yang timbul dan menimpa para peguam yang 'muda'.

Merujuk kepada YLC Kuala Lumpur, jawatankuasa ini terdiri daripada 25 ahli, dan telah membuktikan bahawa ia dapat memenuhi keperluan asas ahli-ahli jawatankuasanya bagi tempoh 2004/05.

Ahli-ahli YLC Kuala Lumpur sebelum ini telah dibahagikan kepada jawatankuasa-jawatankuasa kecil untuk mencapai objektif-objektif yang khas. Akan tetapi, jawatankuasa-jawatankuasa ini, bagi tempoh 2004/05, telah digabungkan untuk mencapai objektif-objektifnya sebagai satu organisasi yang bersatu dan berpadu.

Di bawah adalah laporan bagi senarai-senarai rancangan dan acara yang dikendalikan oleh YLC Kuala Lumpur.

### **A. Acara Boling**

Acara pertama yang dilaksanakan oleh YLC Kuala Lumpur ialah acara permainan bowling di Cosmic Bowl, Midvalley pada 9hb Julai 2004. Dengan kawasan permainan yang gelap, lampu neon yang canggih serta bola-bola boling yang pijar, mereka yang menghadiri acara ini kesemuanya mengakui mengalami pengalaman yang menyeronokkan.

Ahli-ahli YLC Kuala Lumpur kini merancang untuk menjadikan acara boling suatu acara yang lazim. Acara boling yang berbentuk persahabatan di antara pihak majistret dan pihak hakim juga kini dirancang untuk masa akan datang.

### **B. Pertemuan Sosial**

Satu pertemuan sosial telah dilaksanakan oleh jawatankuasa kebajikan pelatih dalam Kamar dan sosial dan YLC Kuala Lumpur pada 19hb Ogos 2004 di pub Finnegan's, Hartamas. Lebih kurang 130 orang menghadiri pertemuan sosial ini, di mana tujuan utamanya adalah untuk berkenalan dan beristirahat.

### **C. Ceramah**

Pada 29hb September 2004, satu ceramah bertajuk "An Overview of Capital Markets" telah diatitkan oleh YLC Kuala Lumpur. Ceramah ini yang dihadiri oleh lebih kurang 120 orang, telah disampaikan oleh Dato' Zuraidah Atan. Antara topik-topik yang disentuh oleh beliau adalah seperti keadaan dan situasi semasa sistem kewangan negara ini, arah sistem kewangan negara ini bergerak, cara-cara memperbaikinya, dan lain-lain lagi.

Ceramah ini membolehkan YLC Kuala Lumpur membuat kutipan wang sebanyak RM1,600 daripada para jemputan. Wang dikutip itu digunakan untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan ahli-ahli YLC Kuala Lumpur.

### **D. Seksyen 46A Akta Profesion Undang-Undang**

Salah satu daripada aktiviti-aktiviti utama YLC Kuala Lumpur adalah untuk menggubalkan s46A Akta Profesion Undang-Undang 1976. Seksyen tersebut melarang para peguam baru (iaitu mereka yang melibatkan diri dalam profesion guaman tidak lebih dari 7 tahun) daripada memegang jawatan di dalam Majlis Peguam dan Jawatankuasa Peguam Negeri.

Isu penggubalan seksyen ini pada peringkat mulanya dicadangkan oleh pihak Bar KL. Ianya kemudian dikempenkan lagi oleh pihak YLC, dan menerima sokongan yang baik. Pada bulan September 2003, pihak YLC berjaya melancarkan cadangan Bar KL untuk menggubal s46A Akta Profesion Undang-Undang 1976 dalam bentuk persembahan dalam kunjungan.

Dalam keseluruhan tempoh 2004/2005, pihak YLC Kuala Lumpur telah mengadakan beberapa acara serta rancangan (sepert yang dinyatakan di atas). Dan melalui acara-acara dan rancangan-rancangan inilah kesedaran

akan kepentingan menggubal s46A berjaya ditanamkan.

#### **E. Konvensyen di Pulau Pangkor**

Konvensyen kedua Jawatankuasa Peguam-Peguam Muda telah diadakan dari 28-30 Januari 2005, di Pulau Pangkor. Antara topik-topik yang disentuh di konvensyen tersebut adalah seperti aktivisme undang-undang, penerokaan isu-isu pelucutan hak undi, perbincangan mengenai masa hadapan para peguam muda, serta ulasan bagi konvensyen-konvensyen dahulu dan kini. Selain itu, satu bengkel juga telah diatitkan untuk membolehkan para peguam muda bekerjasama secara berkumpulan dan satu perbahasan telah diadakan di antara kumpulan-kumpulan ini.

Pihak YLC Kuala Lumpur telah memainkan peranan penting dalam penganjuran konvensyen ini, dan pihak YLC juga telah menjelaskan kos perjalanan ke Pulau Pangkor dan kos perjalanan pulang ke Kuala Lumpur.

#### ***Acara / Rancangan akan datang***

Dalam bulan-bulan yang akan datang, pihak YLC Kuala Lumpur merancang untuk mengadakan satu acara futsal di antara firma-firma guaman di daerah Wilayah Persekutuan. Satu cadangan yang dipertimbangkan ialah pasukan-pasukan firma-firma tersebut mestilah terdiri daripada campuran lelaki dan wanita. Gabungan firma-firma sebagai satu pasukan dibenarkan, dan firma-firma besar digalakkan menghantar seberapa banyak pasukan yang dikehendaki (tetapi pasukan-pasukan tersebut mestilah terdiri daripada campuran lelaki dan wanita).

#### **Kesimpulan**

Pihak YLC akan terus berusaha untuk memperjuangkan hak-hak badan peguam muda dan menggalakkan penyertaan yang aktif oleh badan peguam muda di dalam acara-acara Majlis Peguam dan Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur. Kami berharap aktiviti-aktiviti yang kami telah aturkan akan mendorong penyertaan yang lebih aktif lagi dalam acara-acara yang akan datang untuk tempoh 2005/2006.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Jawatankuasa Peguam-peguam Muda atas usaha, masa dan tenaga mereka.

Dinesh Kanavaji  
Pengerusi  
Jawatankuasa Peguam-peguam Muda

## **CHAIRPERSON'S REPORT**

We had a lot of activities which we had done that can be seen in the calendar of events.

I have ensured that all the activities went on smoothly with the cooperation of the various Project Heads.

I thank all the volunteers on behalf of the Bar Council Legal Aid Centre Kuala Lumpur [BCLAC(KL)], National Legal Aid Committee (NLAC) and the Kuala Lumpur Bar Committee (KLBC) for assisting us in doing our bit for the needy in the society through Legal Aid's various programmes.

There have been some allegations against the staff of the BCLAC(KL) and a Management Panel member which I have brought to the attention of the KLBC (both issues) and NLAC (on the latter).

I am sad to inform that at the Management Panel meeting on the 3.2.2005 (less than a month before the end of my tenure) and also two meetings before that I have been accused of a lot of things by certain members of the Management Panel which made it unbearable for me to continue as a Legal Aid Chairperson and I have tendered my resignation on the 14.2.2005.

I hereby state that I took my duty as the Chairperson of BCLAC(KL) very seriously and did what I thought was right. Reporting any allegations made against the Centre to elected members of the KL Bar cannot be a fault.

At the KLBC meeting on 22.2.2005, I addressed the KLBC members and reconsidered my decision to resign and withdrew my resignation until the AGM.

The Hon. Secretary of the BCLAC(KL) has prepared a further report independently.

Sa'adiyah Bt Din

## AHLI PANEL

Sa'adiah Din (Pengerusi)  
Fahri Azzat (Setiausaha Kehormat)  
Sri Murugan  
Baljit Singh Sidhu  
M. Kamalam  
Yasmeen Hj. Mohd Sharif  
Ramlah Begum Mohamed Ibrahim  
Preetam Kaur  
K. Parameswary  
Faizati Mohd Ali  
Charles Hector  
Ravi Nekoo

So Chien Hao  
N. Surendran  
Sivarasa Rasiah  
R. Kesavan  
Jayaletchumi Rajaretnam  
Stanley Sinnappen  
Amer Hamzah Arshad  
Fashilah Ahamat @ Mohd  
Ros 'Aini Idris  
Ramesh K. Kumaguru  
M. Murugan

## PENGENALAN

Bagi penggal 2004/2005, Pusat Bantuan Guaman ("PBG") telah melalui tahun yang sukar dari segi pengurusannya. Selepas menjalankan satu penyiasatan, adalah didapati bahawa seorang peguam sukarela telah menyalahgunakan pengurusan PBG dengan cara menggunakannya sebagai sumber untuk mendapatkan kerja peribadi, dan bertentangan dengan polisi PBG, mengenakan bayaran ke atas klien PBG untuk menangani hal-hal mereka. Setelah mendapat tahu mengenai penyiasatan dan aduan-aduan tersebut, peguam sukarela itu telah bertindak secara ofensif ("went on the offensive") dan membuat tuduhan berkenaan penyalahgunaan kewangan dan pengurusan serta isu-isu berkenaan kakitangan kepada Pengerusi Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur, Majlis Peguam dan juga Jawatankuasa Bantuan Guaman Negara. Dengan dukacitanya, banyak masa telah dihabiskan bukan sahaja oleh pihak pengurusan bagi menyalahgunakan peguam sukarela ini, dan tuduhan yang telah dibuat olehnya ke atas PBG, tetapi juga oleh Panel Pengurusan bagi memikirkan dan menangani hal-hal ini melalui sumber-sumbernya yang terhad. Setelah menjalankan penyiasatan ke atas tuduhan peguam sukarela itu, PBG dengan sukacitanya melaporkan bahawa tuduhan berkenaan penyalahgunaan kewangan dan pengurusan ini adalah tidak berasas sama sekali.

PBG menyedari bahawa seperti organisasi yang lain ia juga akan mempunyai isu-isu berkenaan kakitangan yang perlu ditangani. Setelah menjalankan satu penyiasatan berkenaan isu-isu kakitangan seperti yang diutarakan oleh peguam sukarela itu, adalah didapati bahawa walaupun sebahagian isu yang diutarakan itu adalah benar (ketidaktepatan masa), isu-isu ini telah dengan sengajanya diutarakan sebagai usaha untuk mengalihkan perhatian daripada tuduhan penyalahgunaan yang dibuat ke atas peguam sukarela itu. Sebagai contohnya, isu-isu seperti ketiadaan sijil cuti sakit bagi kakitangan yang mengambil cuti sakit dan ketidakhadiran kakitangan PBG di pejabat ketika waktu pejabat tanpa alasan yang munasabah.

Walaupun dengan adanya penghindaran ini, projek-projek dan klinik-klinik PBG telah mampu diteruskan tanpa sebarang halangan, dan telah juga menambahkan interaksi dengan institusi pengajian tinggi seperti HELP, Taylor's College dan Universiti Malaya, yang bertujuan untuk menubuhkan klinik-klinik, sesi penerangan dan projek-projek bersama mereka secara lebih berstruktur dan konsisten.

Pada 31 Disember 2004, PBG telah berjaya membantu sejumlah 11,290 orang yang mana merupakan penambahan 1,098 orang (10.78%) daripada tahun yang lalu. Penambahan dalam bilangan orang yang dibantu ini adalah sebahagian besarnya disebabkan oleh penambahan aktiviti di dalam Klinik Pekerja Asing PBG yang nampaknya telah dengan pantas mengesahkannya sebagai klinik yang penting dan amat perlu. Klinik ini telah membantu seramai 1,121 orang tahun ini berbanding hanya 70 orang pada tahun lalu.

Penambahan di dalam bilangan pemohon PBG ini telah dijangkakan oleh jawatankuasa tahun lalu, dan melihat dari cara penggal ini, nampaknya jangkaan penambahan bilangan pemohon PBG akan juga terpakai dengan sama bagi penggal 2005/2006.

Seperti yang disebutkan tadi, institusi pengajian tinggi tempatan telah mempamerkan minat untuk mendedahkan pelajar kepada amalan guaman yang sebenarnya, terutamanya dari perspektif bantuan guaman, dan terdapat juga banyak permintaan dari pelajar-pelajar undang-undang untuk menjalankan "attachment" dengan PBG. Institusi-institusi ini juga berminat untuk mendapatkan khidmat peguam sukarela untuk menyampaikan syarahan mengenai fungsi PBG dan topik-topik tertentu juga seperti undang-undang kontrak, undang-undang syarikat dan undang-undang jenayah. Melihat kepada ini, PBG kini sedang memikirkan cara bagaimana interaksi dengan institusi-institusi ini dapat dijalankan secara lebih berstruktur dan berasas.

PBG telah juga berjaya memperolehi lebih publisiti berkenaan kesedaran undang-undang dan kesedaran mengenai PBG sendiri melalui jemputan-jemputan oleh stesen-stesen radio tempatan untuk bercakap mengenai PBG, peranannya di dalam masyarakat dan beberapa topik undang-undang. Jemputan-jemputan tersebut telah dibuat bukan sahaja oleh saluran Bahasa Inggeris tetapi juga saluran Bahasa Tamil, Bahasa Melayu serta Bahasa Cina. Namun, walaupun perkembangan ini memberangsangkan, persoalannya adalah adakah ia perlu dilakukan oleh PBG dengan melihat kepada beban kerja PBG yang semakin bertambah, klinik-kliniknya dan projek-projeknya dan sumber-sumbernya yang terhad, untuk pendengar-pendengar di radio.

PBG juga mempunyai masalah yang berterusan berkaitan dengan kekurangan peguam sukarela bagi mengambillai kes-kesnya secara pro bono dan bagi melibatkan diri didalam projek-projek dan kilinik-kliniknya walaupun beban kerja PBG semakin bertambah. PBG tidak menjangkakan jurang di antara permintaan dan bekalan ini dapat dirapatkan dalam masa yang terdekat ini. Namun begitu, ini tidak bermakna yang PBG terus mengetepikan isu ini. Selain dari faktor-faktor yang kebiasaannya menghalang peguam-peguam dari menyertai (kurang kerjasama dari majikan, kurang insentif kewangan bagi mengambil kes, terlalu banyak kerja di firma untuk ditangani), satu lagi faktor penyebab ialah para peguam tidak begitu pasti bagaimanakah mereka dapat menjadi sukarelawan di PBG dan khuatir mereka mungkin terikat dengan sesuatu yang di luar jangkauan mereka. Bagi menangani masalah ini, pihak PBG telah menyenaraikan langkah-langkah bagaimana peguam sukarela dapat melibatkan diri dan menyediakan satu senarai berkenaan apa yang diperlukan bagi seorang peguam untuk mengambil bahagian dan juga apa yang diharapkan dari sesuatu tugasan. Senarai ini telah disebar kepada ahli-ahli Kuala Lumpur Bar.

Selain itu, masalah yang seringkali di hadapi oleh PBG ialah sumber-sumber yang terhad berbanding bertambahnya tugas, permohonan, projek dan klinik. Namun begitu, menyedari hakikat bahawa PBG bukanlah satu badan yang menjana pendapatan, dana PBG bergantung sepenuhnya daripada Majlis Peguam dan peguam sukarela bagi menyokong projek, klinik dan tugas. PBG sentiasa berusaha dan mencari ruang untuk meningkatkan dana bagi menjalankan aktiviti-aktiviti dan akhirnya Mr. So dan Mr. Ngooi telah berjaya menganjurkan satu program untuk menambahkan dana pada bulan Januari 2005 amatlah dihargai dan disanjung tinggi.

Sesungguhnya, PBG terus mengekalkan hubungan erat dengan beberapa badan sukarela seperti Persatuan Pergerakan Wanita (AWAM), Tenaganita, Sisters In Islam (SIS), Woman's Aid Organization (WAO), Pink Triangle Foundation (PTF) dan sumbangan mereka kepada Panel Pengurusan telah memberi perspektif yang berbeza dalam beberapa isu.

PBG menyedari hakikat bahawa ia tidak dapat berfungsi tanpa kesungguhan peguam sukarela, kerajinan dan kecekapan kakitangan PBG, dedikasi ketua-ketua projek dan ahli jawatankuasa serta sokongan pelatih dalam kamar. Oleh itu, PBG ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu, menyokong dan menjayakan untuk mencapai objektifnya. Laporan berkaitan pemyalahgunaan kuasa oleh peguam sukarela telah diambil perhatian dan telah dihantar kepada NLAC untuk tindakan dan keputusan selanjutnya. Diharapkan satu keputusan yang tepat akan diambil terhadap peguam sukarela dan menjadi pengajaran kepada mereka yang telah menyalahgunakan PBG untuk tujuan yang salah dan menjadi peringatan bahawa tugas mereka di PBG bukanlah untuk tujuan peribadi tetapi sebaliknya berkhidmat untuk semua.

Fahri Azzat  
Setiausaha Kehormat

#### STATISTIK MENUNJUKKAN ORANG YANG DIBANTU:

<i>Orang Yang Dibantu 2004</i>	<i>TAHUN 2003</i>	<i>TAHUN 2004</i>	<i>% PENINGKATAN</i>
<i>Klinik Pusat Bantuan Guaman</i>	<i>1292</i>	<i>1571</i>	<i>21.6%</i>
<i>Program Dock Brief</i>	<i>6503</i>	<i>5100</i>	<i>(21.6%)</i>
<i>Klinik Syariah</i>	<i>98</i>	<i>120</i>	<i>22.4%</i>
<i>Klinik Penjara Sungai Buloh</i>	<i>1050</i>	<i>860</i>	<i>18.10%</i>
<i>Klinik Penjara Wanita Kajang</i>	<i>216</i>	<i>236</i>	<i>9.2%</i>
<i>Program Rumah Reman Juvana</i>	<i>108</i>	<i>107</i>	<i>0.9%</i>
<i>Klinik Pekerja Asing Penjara Wanita Kajang</i>	<i>199</i>	<i>473</i>	<i>137.7%</i>
<i>Klinik Pekerja Asing Penjara Sungai Buloh</i>	<i>-</i>	<i>438</i>	<i>100%</i>
<b><i>Klinik-Klinik "Outreach Clinics"</i></b>			
<i>LAC/AWAM Perkhidmatan Maklumat Undang-undang</i>	<i>546</i>	<i>542</i>	<i>(0.7%)</i>
<i>Klinik Pekerja Asing</i>	<i>70</i>	<i>1121</i>	<i>1501%</i>
<i>Klinik LAC/PTF</i>	<i>50</i>	<i>58</i>	<i>(82.7%)</i>
	<i>**(Semasa Bengkel &amp; Klinik)</i>	<i>**(Selepas program pe-latih dalam kamar)</i>	
<i>Klinik LAC/SIS</i>	<i>51</i>	<i>707</i>	<i>1286%</i>
<i>LAC/WAO Klinik Penasihat Guaman</i>	<i>1</i>	<i>5</i>	<i>400%</i>
<b><i>JUMLAH</i></b>	<b><i>10192</i></b>	<b><i>11290</i></b>	<b><i>10.78%</i></b>

<b>PERWAKILAN PERUNDANGAN (FAIL-FAIL YANG DIBUKA DAN MITIGASI/PERMOHONAN JAMIN) TAHUN 2004</b>	<b>TAHUN 2004</b>
<i>Klinik Pusat Bantuan Guaman</i>	233
<i>Program Dock Brief</i>	3391
<i>Klinik Syariah</i>	41
<i>Klinik Penjara Sungai Buloh</i>	128
<i>Klinik Penjara Wanita Kajang</i>	13
<i>Program Rumah Reman Juvana</i>	61
<i>Klinik Pekerja Asing Penjara Wanita Kajang</i>	71
<i>Klinik Pekerja Asing Penjara Sungai Buloh</i>	11
<b>Klinik-Klinik "Outreach Clinics"</b>	
<i>LAC/AWAM Perkhidmatan Maklumat Undang-undang</i>	5
<i>Klinik Pekerja Asing</i>	2
<i>Klinik LAC/PTF</i>	-
<i>Klinik LAC/SIS</i>	-
<i>LAC/WAO Klinik Penasihat Guaman</i>	2
<b>JUMLAH</b>	<b>3958</b>

## 1. PUSAT BANTUAN GUAMAN

*Disediakan oleh Ahli Jawatankuasa*

### **Ahli-ahli Jawatankuasa**

*Ramesh K Kumaraguru (Ketua Projek)*

*Fahri Azzat*

*Jayaletchumi Rajaretnam*

*Andrew Teh*

*Ong Chin Siong*

*Ramesh Lachmanan*

*Molly M Gomez - Kerisnan*

*Alexis Diana*

### **Pengenalan**

Klinik Pusat Bantuan Guaman (LACC) dijalankan dari Sekretariat Pusat Bantuan Guaman Majlis Peguam di Wisma Kraftangan dan ia merupakan salah satu program utama di Pusat tersebut.

LACC masih mengekalkan amalan menggunakan Pelatih Dalam Kamar untuk menemuduga pemohon. Sejumlah 10 orang Pelatih Dalam Kamar terlibat di Pusat tersebut dari jam 10.00 pagi hingga ke jam 5.00 petang dari hari Isnin hingga Jumaat selama 3 bulan sebagai sebahagian daripada latihan wajib mereka dalam program bantuan guaman.

### **Tugas-tugas Pelatih Dalam Kamar**

Para Pelatih diberi latihan sehari sebelum mereka memulakan tugas di Pusat. Mereka telah diarahkan supaya melakukan ujian kelayakan ("*means test*"), diberi taklimat mengenai cara-cara untuk menjalani temuduga dengan pemohon dan aspek undang-undang tertentu yang menarik paling banyak pertanyaan. Aspek undang-undang terlibat adalah undang-undang keluarga, undang-undang pekerjaan dan undang-undang jenayah.

Tugas Pelatih Dalam Kamar adalah untuk menemuduga pemohon yang tidak mempunyai temujanji, melakukan ujian kelayakan dan memberi nasihat sekiranya diperlukan (ini dilakukan selepas berbincang dengan peguam bertugas atau menelefon peguam sukarela). Tugas mereka seterusnya termasuk membuka fail sekiranya respresentasi guaman diperlukan oleh pemohon.

### **Objektif LACC**

- untuk menyedarkan pelatih dalam kamar/peguam untuk menemukan tugas dan tanggungjawab secara peguam holistik di dalam masyarakat kita.
- untuk menggalakkan sifat bertanggungjawab kepada masyarakat dan mengambil berat terhadap hak asasi, keadilan dan prinsip undang-undang.
- untuk menghasilkan kesedaran secara kritikal dan pemahaman terhadap masyarakat secara umumnya, untuk memahami desakan pelbagai kuasa dan sebab-sebab utama masalah dan kekurangan di Malaysia.
- untuk mencuba menanam dan mengembang komitmen jangka panjang terhadap bantuan guaman dan hak asasi manusia, di mana menjangkau tempoh wajib 14 hari bantuan guaman semasa tempoh dalam kamar

### **Statistik**

Setakat 31 Disember 2004, sejumlah **1571** orang telah di temuduga. Terdapat peningkatan sebanyak 21.6% berbanding tahun lepas yang mana hanya 1292 orang sahaja ditemuduga.

Daripada 1571 orang yang ditemuduga, 233 orang telah diberi bantuan guaman dan 691 orang telah diberi nasihat perundangan sahaja. Sebanyak 128 pemohon telah dirujuk kepada klinik lain, jabatan kerajaan dan Pusat Bantuan Guaman di negeri lain.

Manakala seramai 519 pemohon yang tidak berjaya dalam mendapatkan bantuan guaman, seramai 70 orang dari jumlah tersebut gagal dalam ujian kelayakan di bawah bahagian aset, seramai 124 pemohon lagi gagal dalam ujian kelayakan di bawah bahagian pendapatan, seramai 295 pemohon gagal kerana tidak termasuk di dalam kawasan undang-undang dan baki seramai 30 pemohon tidak layak kerana kekurangan merit di dalam kes.

Daripada 233 fail yang dibuka, kes jenayah merupakan majoriti dengan sebanyak 144 fail. In diikuti dengan kes keluarga berjumlah 55 fail, kes pekerjaan/buruh berjumlah 22 fail, kes sewaan rumah sebanyak 2 fail dan 6 fail dalam lain-lain perkara. Kami juga telah memberi bantuan guaman untuk 4 kes berkaitan kepentingan awam dalam sepanjang tahun tersebut.

### **Aktiviti-aktiviti**

Berikut adalah aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh jawatankuasa:

1. Pada 20 Ogos 2004, LACC telah mengadakan sesi kesedaran undang-undang dengan para pelajar SMK Convent Bukit Nanas. Ini adalah susulan daripada kejayaan sesi tahun lepas. LAC merasakan perlu ada lebih banyak percubaan untuk mengadakan sesi kesedaran ini di sekolah menengah seiring dengan "Sesi Outreach". Pn. Jayaletchumi Rajaretnam, Pn. Alexis Diana dan Pn. Molly M Gomez- Kerisnan telah mengkoordinasi sesi ini.
2. Pada 19 September 2004, LACC bersama-sama dengan Community Development Centre (CDC) menganjurkan klinik outreach di Bangi. Encik Fahri Azzat telah mengkoordinasi sesi ini bersama-sama dengan peguam sukarela dan pelatih dalam kamar.
3. Pada 2 Oktober 2004, LACC bersama-sama dengan Persatuan Orang-orang Buta Malaysia (MABP) telah menganjurkan satu sesi ceramah. Ini adalah percubaan pertama LACC untuk mencapai golongan buta dan kurang upaya ini. Tujuan utama sesi ini adalah untuk memperbaiki kesedaran undang-undang di kalangan orang buta terhadap hak mereka. Di samping itu ia juga memberi mereka tempat dan peluang untuk mendapatkan bantuan pembelaan. Klinik juga berharap ia akan membolehkan yang terlibat untuk mengetahui keperluan pelbagai jenis komuniti dan masalah perundangan mereka. Sesi tersebut telah diadakan dengan jayanya dan MABP mencadangkan ia diadakan dengan kerap lagi termasuk diadakan di dalam bahasa-bahasa lain. En. Andrew Teh dan En. Fari Azzat mengkoordinasi sesi ini bersama dengan En. Sunil Vijayan.
4. Pada 1 November 2004, satu lagi sesi kesedaran undang-undang diadakan dengan pelajar dari SMK Batu 5, Jalan Ipoh. Sesi ini merupakan satu lagi sesi yang berjaya diadakan. En. Ramesh Kumar Kumaraguru mengkoordinasi sesi ini dengan beberapa peguam sukarelawan.

### **Kelemahan**

LACC dengan sukacita memaklumkan bahawa sebilangan pelatih dalam kamar tidak bersungguh-sungguh dalam menjalankan tugas mereka. Ini terbukti dengan laporan-laporan temuduga yang tidak lengkap dan menyebabkan ketinggalan maklumat penting untuk memberikan nasihat guaman. Laporan temuduga tersebut telah menjadi bebanan kepada LACC dan peguam sukarela kerana proses temuduga perlu diulangi sekali lagi.

Kadang-kadang, terdapat sejumlah pelatih dalam kamar yang memberi nasihat tanpa meminta pandangan daripada peguam bertugas di LACC atau menerusi telefon. Ini adalah merupakan satukecuaian dan mungkin menyebabkan reputasi buruk LACC sekiranya nasihat diberikan kurang tepat.

LACC juga kesal kerana walaupun selepas pelatih dalam kamar diberikan latihan, penilaian penggal tengah (mid term review) dan tunjuk ajar yang ada untuk pelatih dalam kamar di premis. Masalah ini masih wujud kerana kurangnya kawalan disiplin untuk LACC supaya memastikan para pelatih dalam kamar menjalankan tugas dengan cermat, efektif dan cepat.

Masalah utama lain LACC adalah kekurangan peguam sukarela yang berminat untuk menjalankan sesi latihan dan berada di premis LACC secara fizikal untuk memantau Pelatih. Jumlah peguam sukarela untuk sesi 'outreach' tidak mencapai jumlah minima yang diperlukan. Oleh itu, masih terdapat ruang untuk peningkatan dalam perkara ini.

## **2. KLINIK SYARIAH**

### **Ahli-ahli Jawatankuasa**

*Cik Ros 'Aini Idris (Ketua Projek dari Bulan Mac hingga Jun 2004)*

*Cik Rozita Shaik Salleh*

*Cik Noor Suhaida Kasri*

Klinik Syariah dibuka setiap hari dari hari Isnin hingga Jumaat dari pukul 10.00 pagi hingga 4.30 petang. Klinik ini

dikendalikan oleh pelatih dalam kamar yang telah diberikan latihan khusus oleh peguam-peguam syariah yang berpengalaman sebelum mereka memulakan tugas mereka di sekteriat dimana mereka perlu memenuhi khidmat bantuan guaman mereka yang merupakan salah satu syarat yang ditetapkan oleh Majlis Peguam di dalam Perkhidmatan Bantuan Guaman.

Jadual di bawah menunjukkan jumlah kes yang telah dikendalikan sepanjang tahun 2004:

<b>Jenis-Jenis Kes</b>	<b>Jumlah</b>
Tuntutan Selepas Perceraian	40
Fasakh	28
Pengesahan Lafaz Cerai	9
Khalwat	2
Ta'liq	11
Faraid	4
Memfarakkan Pernikahan	4
Prosedur Perceraian	14
Pendaftaran Pernikahan	4
Mengubah Perintah Nafkah	2
Mungkir Janji Untuk Berkahwin	2
<b>Jumlah Kes-kes Bagi Tahun Ini</b>	<b>120</b>

Klinik ini mendapat sambutan yang menggalakkan dan jumlah klien semakin meningkat setiap tahun. Jadual di bawah menunjukkan perbezaan jumlah klien diantara tahun 2003 dan 2004 yang datang untuk mendapatkan khidmat nasihat guaman serta peguam sukarela bagi mewakili mereka di dalam prosiding di Mahkamah Syariah: -

<b>Status Kes</b>	<b>Tahun 2003</b>	<b>Tahun 2004</b>
Fail Dibuka	34	41
Bantuan Nasihat Sahaja Diberi	51	38
Nasihat-Dirujuk kepada Biro Bantuan Guaman	3	10
Nasihat-Dirujuk kepada Jabatan Agama Islam	1	-
Tidak Layak (Pendapatan & Harta)	7	16
Di Luar Bidangkuasa	2	4
Nasihat – Dirujuk kepada Pusat Bantuan Guaman Negeri Lain: -		
Selangor		4
Perlis		1
Melaka		1
Kelantan		1
Perak		1
Kedah		2
Johor		1
<b>Jumlah klien bagi Klinik Syariah</b>	<b>98</b>	<b>120</b>

Pada tahun ini Klinik Syariah telah mengadakan ceramah kesedaran undang-undang Syariah di Pusat Kebahagiaan Wanita dan Remaja (KEWAJA) pada 7 Ogos 2004 yang terdiri daripada ibu-ibu tunggal dan remaja-remaja terlanjur. Penceramahnya ialah Cik Ros' Aini Idris dan dibantu oleh Cik Noor Suhaida Kasri untuk sesi soal-jawab di mana sesi ini dijalankan secara individu didalam bilik memandangkan kebanyakan daripada mereka berasa tidak selesa untuk membincangkannya secara terbuka.

Klinik Syariah juga telah berjaya menyiapkan manual undang-undang syariah untuk kegunaan pelatih-pelatih dalam kamar sebagai rujukan ketika berjumpa dengan klien. Manual ini telah disiapkan oleh Cik Ros' Aini Idris.

Kekurangan utama bagi klinik syariah adalah kekurangan peguam-peguam bertauliah yang mempunyai lesen pengamal syarie untuk menawarkan khidmat mereka samada untuk menjadi ahli jawatankuasa, penceramah untuk latihan kepada pelatih dalam kamar, dan juga untuk mengendalikan kes-kes bagi pihak Pusat Bantuan Guaman Majlis Peguam (Kuala Lumpur).

Di kesempatan ini kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Panel Pengurusan, Kakitangan Pusat Bantuan Guaman, Ahli Jawatankuasa Syariah, Peguam-peguam sukarela dan Pelatih Dalam Kamar yang terlibat dalam menyertai program ini di atas minat dan komitmen yang ditunjukkan bagi membolehkan Klinik Syariah ini berjalan lancar.

### 3. DOCK BRIEF PROGRAM

*Ahli-ahli Jawatankuasa  
Srimurugan-Ketua Projek  
Baljit Singh Sidhu  
Suresh Thanabala Singam  
Mary Song  
Amir Hamzah*

Ahli Jawatankuasa Dock Brief telah mengambil berat dalam pelaksanaan program Dock Brief yang melibatkan latihan kepada pelatih dalam kamar di dalam pembentangan jenayah di dalam Mahkamah. Pada permulaan 2004, permohonan untuk mengikuti program Dock Brief adalah amat memberangsangkan

Jadual di bawah menunjukkan jumlah kes yang melibatkan pelatih program Dock Brief 2004: -

	2002	2003	2004
Nasihat yang telah diberikan	1916	2287	1709
Permohonan Jaminan	14	32	21
Nasihat Pembentangan dan Mitigasi	4344	4181	3369
Fail-fail baru	3	3	1
<b>Jumlah</b>	<b>6277</b>	<b>6503</b>	<b>5100</b>

Jumlah kes-kes yang dikendalikan oleh pelatih menunjukkan angka penurunan pada tahun ini. Ini disebabkan oleh faktor-faktor berikut :-

- (i) Kebanyakan pesalah telah melantik peguamnya sendiri
- (ii) Sesetengah daripada mereka melakukan mitigasi ke atas diri mereka sendiri
- (iii) Penurunan kadar jenayah, terutamanya pada hujung tahun
- (iv) Pengurangan jumlah pelatih program Dock Brief. Pada tahun 2003, terdapat 60 orang pelatih, manakala pada tahun 2004, hanya terdapat 50 pengambilan pelatih baru.

Walaupun bagaimanapun, permohonan jaminan masih lagi rendah. Pelatih-pelatih adalah digalakkan untuk memberi perhatian yang lebih kepada permohonan untuk jaminan dan memberitahu tertuduh dan keluarganya mengenai kepentingan jaminan. Pihak jawatankuasa berharap agar pada tahun hadapan, lebih ramai lagi pelatih-pelatih berpeluang untuk melakukan permohonan jaminan.

Pihak jawatankuasa mempunyai perbagai mesyuarat dengan Majistret-majistret, pegawai pendakwa dan pegawai polis yang mengendalikan bahagian lokap dan mahkamah bertujuan untuk melancarkan proses perwakilan. Pihak jawatankuasa ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai terlibat yang telah memberikan kerjasama.

Walaupun terdapat ramai pelatih yang mengambil bahagian dalam program ini, tetapi masih ramai yang tidak mempunyai locus untuk hadir di hadapan majistret. Ini menyebabkan ramai yang tidak dapat mengambil bahagian secara terus.

Pihak jawatankuasa memandang serius terhadap kelakuan dan disiplin dikalangan pelatih terutamanya tentang "court decorum". Secara amnya, terdapat perubahan yang baik dari segi kehadiran dan pada tahun ini pihak jawatankuasa telah menerima sedikit aduan. Banyak mesyuarat telah diadakan bertujuan untuk memperbaiki program ini dan juga prestasi, disiplin, kehadiran pelatih dan untuk respon kepada semua aduan dan perkara yang akan datang. Usaha telah dijalankan secara berterusan untuk memperbaiki program dock brief.

Pelatih dock brief batch 35 juga berpeluang mengadakan sesi bersama hakim mahkamah Sesyen Y.Bhg. Hakim Dato' Mohd Azman bin Husin dan hakim-hakim mahkamah sesyen yang lain serta majistret-majistret. Ahli Jawatankuasa Dock Brief juga memberikan sesi perbincangan kepada pelatih dalam kamar tentang prosedur-prosedur dan etika di premis mahkamah pada 4hb Mac 2004. Tuan Hakim Akhtar Bin Tahir telah memberikan ucapan ringkas kepada semua pelatih dalam kamar mengenai Praktikal Decorum dalam mahkamah majistret dan etika-etika mahkamah di mahkamah sesyen 2(Jenayah), pada 8 Mac 2004, 11 Mac 2004, dan 19 Mac 2004 untuk pelatih Batch 35.

Encik Manjeet Singh Dhillon telah bermurah hati mengendalikan latihan untuk Rayuan Mitigasi bagi Pelatih Dock Brief batch 35 pada 13 Mac 2004.

Latihan Dock Brief untuk staf Pusat Bantuan Guaman Selangor oleh jawatankuasa Dock Brief dan staf . Latihan pertama telah diadakan pada 1 Julai 2004 dan latihan kedua telah diadakan pada 6 & 7 Disember 2004.

Kami juga telah mengemaskinikan latihan untuk melibatkan pelatih dalam prosiding reman.  
Butir-butir Latihan:-

- a) Pengenalan kepada Dock Brief

- b) Peranan Pelatih Dalam Kamar
- c) Mahkamah dan Prosedur Mahkamah
- d) Berurusan dengan klien
- e) Dokumen-dokumen pejabat
- f) Bahan-bahan dan latihan
- g) Bahagian-bahagian yang bermasalah.

Asosiasi Advogados Timor Lorosa' E (AATL) anjuran Majlis Peguam Malaysia telah melawat perjalanan program Dock Brief di mahkamah majistret pada 25 Jun 2004. Ahli-ahli Majlis peguam East Timur telah meminta pandangan dan nasihat mengenai pengendalian bantuan guaman. Kami amat senang dan berbesar hati untuk berkongsi pandangan dan pengalaman dengan mereka.

Pihak jawatankuasa juga telah memutuskan untuk meningkatkan tempoh pemerhatian daripada satu minggu kepada 2 minggu dan memanjangkan tempoh bertugas dari pukul 8.30 pagi hingga 4.00 petang. Oleh itu, pelatih akan lebih bersedia untuk kes-kes yang akan mereka kendalikan untuk minggu seterusnya. Pelatih yang telah selesai menjalankan tugas di mahkamah dimestikan kembali ke pusat bantuan guaman untuk menguruskan kes-kes yang ditangguhkan keminggu seterusnya.

Pihak jawatankuasa Dock Brief komited untuk memberikan seminar yang berkualiti.

#### 4. KLINIK PENJARA SUNGAI BULOH

##### *Ahli-ahli Jawatankuasa*

*Baljit Singh Sidhu (Project Head)*

*Ramesh Lachmanan*

*A. Balakisanan*

*Mary Song*

*M. Kamalam*

*Lallitha Nagamuthu*

*S. Muhendaran*

##### 1.0 Pengenalan

Klinik Penjara Sg Buloh bermula beroperasi sejak Disember 1997. Objektif-objektif klinik ini adalah seperti berikut: -

- (i) memberi khidmat guaman kepada tahanan di Penjara Sg Buloh
- (ii) untuk memperbaiki tahap kompeten peguam-peguam (pelatih dalam kamar)
- (iii) untuk mencari cara dengan tujuan mengurangkan bilangan tahanan penjara di Penjara Sg Buloh
- (iv) untuk memastikan peguam sukarela mencukupi untuk memberi khidmat guaman dan perwakilan di Mahkamah
- (v) untuk memastikan susulan efektif di Penjara Sg Buloh untuk membuat pemerhatian terhadap perkembangan perkara yang dikendalikan oleh klinik ini

##### 2.0 Pelaksanaan

Untuk mencapai objektif-objektif di atas, pelatih dalam kamar bertugas secara bergilir-gilir mengikut jadual pada setiap Sabtu ganjil untuk tempoh 3 bulan untuk melawat penjara Sg. Buloh untuk menemuramah tahanan reman. Pada setiap penggal, pelatih dalam kamar dilatih dan diperuntukkan latihan secara manual, dimana manual tersebut mengandungi maklumat tentang mahkamah, garis panduan tentang kesalahan biasa dan hukuman serta maklumat lain yang relevan. Sekumpulan pelatih dalam kamar seramai 20 orang dan 2 orang penyelia sukarelawan akan menemuramah antara 60 tahanan pada setiap sesi. Pelatih dalam kamar juga melakukan tindakan susulan di Pusat Bantuan Guaman berdasarkan temuramah yang dikendalikan. Berikut adalah contoh tindakan susulan yang diambil:

- menghubungi ahli keluarga tentang perkara berkaitan dengan permohonan jamin dan perwakilan peguam;
- merujuk kes-kes relevan kepada Dock Brief Program;
- merujuk kes-kes kesalahan berat kepada Skim Peguam Terlatih Mahkamah; dan
- menghubungi peguam sukarelawan tentang status setiap fail.

##### 3.0 Kekuatan dan Kelemahan

Dari 1 Januari 2004 - 31 Disember 2004, Klinik ini telah berjaya membantu sebanyak 860 orang tahanan reman. Daripada 860 orang yang ditemuramah, hanya 128 fail diserahkan kepada peguam sukarelawan untuk mewakili tertuduh di Mahkamah. Manakala, 172 kes dirujuk kepada Dock Brief Program untuk mitigasi dan permohonan jamin. Sebanyak 477 kes pula dirujuk kepada Pusat Bantuan Guaman dan hanya nasihat diberikan kepada baki kes.

Nasihat yang diberi	86
Fail yang dibuka	128
Merujuk kepada Negeri Lain	474
Dock Brief Mitigation	172
<b>Jumlah orang yang dibantu</b>	<b>860</b>

Klinik ini juga telah menghadapi kekurangan dari segi kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada tahanan reman, didalam skop dibawah:-

1. Pelatih dalam kamar tidak berupaya untuk memperolehi maklumat yang bersesuaian dan fakta yang lebih banyak

- daripada tahanan, fakta tidak tersusun dan jelas serta kertas temuramah tidak lengkap;
2. Pelatih dalam kamar tidak berupaya memberi nasihat yang mencukupi kepada tahanan;
  3. Ketidakupayaan Pusat untuk mengendalikan jumlah kes yang diserahkan kepada peguam sukarela untuk perwakilan di Mahkamah ekoran daripada kekurangan peguam sukarela;
  4. Pusat jarang mendapat tindakbalas daripada Pusat Bantuan Guaman Negeri mengenai kes yang dirujuk kepada mereka.

#### **Cadangan**

Klinik ini perlu melihat kepada objektif jangka panjang program seperti:-

- Untuk memiliki tempat sesi temuramah yang lebih di Penjara ;
- Untuk mengurangkan jumlah tahanan reman diantara golongan berpendapatan rendah di dalam masyarakat;
- Untuk memastikan tahanan reman memperoleh khidmat nasihat yang lebih baik untuk membolehkan mereka membuat keputusan dimaklumi
- Untuk meningkatkan kerjasama dan hubungan diantara pihak berkuasa dan Pusat Bantuan Guaman

### **5. KLINIK PENJARA WANITA KAJANG**

#### **Ahli-ahli Jawatankuasa**

*M.Kamalam (Project Head)*

*Mabel Yong*

#### **Pengenalan**

Klinik ini telah dilancarkan pada tiga setengah tahun yang lalu. Objektif klinik ini adalah untuk membekalkan penghuni Penjara Wanita Kajang dari negeri utara dan selatan seperti berikut: -

- (a) memberi nasihat undang-undang untuk setiap kes individu,
- (b) memberi maklumat kepada penghuni tentang seksyen yang didakwa ke atas mereka dan hukumannya,
- (c) memberi gambaran undang-undang tentang pilihan yang ada kepada mereka yang mana tahanan-tahanan ini biasanya adalah direman,
- (d) memberi sokongan moral dan galakkan/semangat kerana tahanan-tahanan ini tidak akan berjumpa dengan mana-mana orang melainkan daripada pegawai-pegawai penjara dan penghuni-penghuni lain dipenjara dan mereka mungkin kehilangan/ketinggalan tentang apa yang akan diketahui umum.

#### **Lain-Lain**

Pihak Pusat juga akan merujuk kes-kes yang melibatkan penghuni-penghuni daripada negeri-negeri lain kepada Majlis Peguam Pusat Bantuan Guaman masing-masing untuk membolehkan mereka melakukan tindakan susulan yang bersesuaian dan perwakilan perundangan.

Bilangan kes yang dikendalikan dari 1 Januari – 31 Disember 2004

<b>Orang-orang yang ditemuduga</b>	<b>236</b>
Dirujuk kepada Dock Brief (Mitigasi & Permohonan Jamin)	65
Kes-kes yang diserahkan kepada Kaunsel	13
Dirujuk kepada Pusat Bantuan Guaman Negeri	
- Melaka	5
- Johor Bahru	44
- Kuantan	5
- Selangor	55
- Negeri Sembilan	9
- Temerloh	7
Nasihat Sahaja	33

#### **Faedah/Manfaat/Kelebihan**

Kekuatan utama klinik ini ialah kerjasama antara pihak-pihak yang terlibat iaitu Pusat Bantuan Guaman yang mengendalikan klinik terutamanya penyeliaan para pelatih dalam kamar dan Pihak Berkuasa Penjara Wanita Kajang. Kedua-dua pihak telah bekerjasama hamper tiga tahun setengah untuk membekalkan bantuan perundangan kepada penghuni penjara tersebut yang mana sebaliknya mungkin tidak diwakili dan tidak diberi peluang untuk melihat keadilan dilakukan.

#### **Kekurangan**

Sebagaimana dengan klinik yang lain, klinik ini juga mempunyai kelemahannya, iaitu: -

- (a) ketidakmampuan pelatih dalam kamar untuk mengestrak fakta-fakta yang relevan daripada penghuni dan mencatat terlalu banyak maklumat yang tidak tepat

- (b) kekurangan latihan dan pendedahan
- (c) kekurangan tindakan susulan dalam temuramah, berikutan: -
  - (i) tindakbalas yang tidak mencukupi daripada Pusat Bantuan Guaman negeri ke atas kes-kes yang diserahkan kepada mereka (isu ini telah diutarakan kepada Jawatankuasa Kebangsaan Bantuan Guaman dengan Pusat Bantuan Guaman Negeri dan satu struktur garis panduan dalam bentuk surat akan diserahkan kepada Pengerusi telah disediakan untuk diserap semula oleh semua Pusat)
  - (ii) kekurangan bilangan peguam yang bersedia untuk mengendalikan kes-kes reman

#### Cadangan

1. Lebih pendedahan dalam latihan diberikan kepada pelatih dalam kamar terutamanya dalam undang-undang jenayah
2. Mengadakan mesyuarat lebih kerap dengan Pusat Bantuan Guaman Negeri untuk memperbaiki klinik ini bagi membolehkan klinik memberi khidmat kepada pihak awam
3. Untuk melantik lebih ramai peguam sukarela untuk memberi bantuan dalam mengendalikan kes-kes
4. Untuk membuat cadangan dan pembaharuan undang-undang yang berkaitan dengan keadaan tahanan reman.

## 6. JUVENILE REMAND HOME PROGRAM

*Ketua Projek : Yasmeeen Shariff*

*Ketua Gantian : K. Parameswary*

Tahun 2004 merupakan tahun yang sunyi untuk Juvenile Task Force Committee (JTFC). Ini adalah kerana tidak ramai juvana yang ditahan reman di Pusat-pusat Reman pada tahun tersebut.

Hasil dari 18 temuramah, sejumlah **107** juvana telah ditemuramah dari 3 Pusat Reman iaitu Sekolah Tunas Bakti, Asrama Sentosa & Asrama Bahagia, dan **61** fail-fail telah dibuka di Pusat kami.

Temuramah telah diadakan pada hari Sabtu bekerja dan tertakluk kepada kebenaran yang diberikan secara mingguan hingga juvana-juvana dapat ditemuramah.

Dibawah ini adalah jadual yang menyenaraikan kesalahan-kesalahan yang dilakukan :-

Jenis-jenis Kesalahan :-

Didakwa dibawah Seksyen	Jumlah Juvana	Didakwa dibawah Seksyen	Jumlah Juvana
Sec 6 / 7 Immigration Act	7	Sec.379A pc	10
Sec. 18 (6) APF	3	Sec.392 pc	1
Sec. 6 DDA	3	Sec. 395	2
Sec.12 (2) DDA	3	Sec.397	2
Sec.39A DDA	1	Sec.411 pc	16
Sec. 25 (1) (PPN)	7	Sec.393 pc	1
Sec. 42 (1) APJ	3	Sec.18 (3) APF	3
Sec. 324 pc	2	Sec.148 pc	1
Sec.354 pc	3	Sec. 326 pc	2
Sec. 506 pc	2	Sec. 302 pc	1
Sec. 426 pc	2	Sec. 39 B DDA	1
Sec. 376 / 511 pc	4	Sec. 147 Pc	1
Sec.380 pc	3	Sec. 457 pc	7
Sec.379 pc	16		
	<b>59</b>		<b>48</b>

**JUMLAH : 107**

JTFC bercadang untuk mengadakan pertemuan dan menemuramah Juvana-juvana di Penjara Kajang & Sg. Buloh (tertakluk kepada perolehan kebenaran).

JTFC telahpun meminta Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur melalui Jawatankuasa Sukan untuk membantu dalam mengaturkan Perlawanan Bola Sepak antara Juvana dan Peguam-peguam muda sekitar Februari 2005.

JTFC mengalu-alukan Peguam Sukarela untuk menyertainya.

## 7. KLINIK PEKERJA ASING PENJARA SUNGAI BULOH

### *Ahli-ahli Jawatankuasa*

*M. Murugan (Project Head)*

*Lalitha Nagamuthu*

*Yeow Chia Hui*

*Samrith Kaur*

### *Pengenalan*

Klinik Pekerja Asing Sg Buloh baru memulakan operasinya semenjak Mei 2004. Objektif utama klinik ini adalah untuk: -

- (i) menyediakan perkhidmatan undang-undang kepada tahanan reman pekerja asing di Penjara Sg Buloh
- (ii) meningkatkan taraf kecekapan para peguam (pelatih dalam kamar)
- (iii) mencari jalan dan cara untuk mengurangkan bilangan tahanan reman pekerja asing di Penjara Sg Buloh
- (iv) memastikan bahawa kumpulan peguam sukarela adalah mencukupi untuk memberi nasihat undang-undang dan khidmat wakil peguam
- (v) memastikan bahawa satu mekanisasi susulan yang efektif ditempatkan di Penjara Sg Buloh untuk memantau perkembangan kes-kes yang diuruskan oleh klinik ini

### *Perlaksanaan*

Untuk mencapai objektif-objektif di atas, pelatih dalam kamar dijadualkan untuk bertugas setiap Sabtu berselang dalam tempoh selama 3 bulan untuk melawat Penjara Sg Buloh untuk menemuramah tahanan reman pekerja asing. Pada setiap peringkat, para pelatih dalam kamar akan dilatih dan diberi manual latihan yang mengandungi maklumat-maklumat mengenai Mahkamah, garis panduan untuk kesalahan umum dan hukumannya dan perkara-perkara relevan yang lain. Satu kumpulan yang terdiri daripada 5 orang pelatih dalam kamar dan 1 penyelia sukarela menemuramah secara purata 40 orang tahanan pada setiap sesi. Kesemua pelatih dalam kamar ini juga mengambil tindakan susulan atas temuramah yang telah dibuat sebelumnya di Pusat Bantuan Guaman. Antara tindakan-tindakan susulan tersebut adalah seperti berikut: -

- menghubungi ahli keluarga atau rakan-rakan kepada tahanan mengenai perkara-perkara berkenaan ikat jamin, khidmat wakil peguam dan tiket pulan
- menghubungi Kedutaan-kedutaan yang relevan dalam membantu perkara yang berkaitan dengan mereka (tahanan pekerja asing)
- merujuk kes-kes yang relevan kepada Program Pelatih Dalam Kamar Dock Brief
- merujuk kes-kes kepada Pusat Bantuan Guaman Negeri yang berkaitan
- merujuk kes-kes kesalahan utama kepada "Court Assign Counsel Scheme" (Skim Lantikan Peguam Mahkamah)
- berhubung dengan peguam-peguam sukarela berkaitan status fail-fail yang terlibat

### *Kekuatan dan Kelemahan*

Dari 22 Mei – 31 Disember 2004, klinik ini telah memberi bantuan kepada 438 tahanan reman pekerja asing. Daripada 438 orang yang ditemuramah, hanya 11 fail yang telah diserahkan kepada peguam-peguam sukarela untuk mewakili tertuduh di Mahkamah. Sebanyak 69 kes dirujuk kepada Program Dock Brief untuk mitigasi dan permohonan ikat jamin. 326 kes pula dirujuk kepada Pusat Bantuan Guaman Negeri lain dan hanya nasihat diberi kepada baki 32 kes.

Khidmat Nasihat	32
Buka Fail	11
Rujuk Kepada Negeri Lain	326
Mitigasi Dock Brief	69
<b>Jumlah Tahanan yang dibantu</b>	<b>438</b>

Statistik dibawah menunjukkan tahanan reman pekerja asing mengikut Negara masing-masing. Kebanyakan mereka adalah berasal dari Indonesia, diikuti oleh India, Myanmar, Bangladesh, Pakistan dan lain-lain Negara seperti Iran, Kemboja, Namibia, Afrika Selatan, Burma, China, Singapore, Vietnam, Sri Lanka, Nepal, Thailand, Nigeria, Peru dan France.

<b>Negara</b>	<b>Bilangan</b>
Indonesia	174
India	75
Myanmar	67
Bangladesh	47
Pakistan	24
Lain-lain	41

Klinik ini juga menghadapi beberapa kelemahan dalam memberikan kualiti perkhidmatan kepada tahanan reman pekerja asing di dalam aspek yang berikut: -

1. Ketidakecekapan pelatih dalam kamar untuk mendapatkan fakta secara betul dan lebih fakta daripada tahanan-

- tahanan, fakta-fakta berada dalam keadaan tidak teratur/lengkap dan borang temuramah tidak lengkap
2. Ketidakecakapan pelatih dalam kamar untuk memberi nasihat yang mencukupi kepada para tahanan
  3. Kesusahan pelatih dalam kamar untuk berkomunikasi dalam bahasa asing
  4. ketidakecakapan Pusat Bantuan Guaman untuk menampung bilangan kes-kes yang diserahkan kepada peguam sukarela untuk mewakili mereka di Mahkamah disebabkan oleh kekurangan bilangan peguam sukarela
- Pusat Bantuan Guaman jarang mendapat maklumbalas kes-kes yang dirujuk kepada Pusat Bantuan Guaman di negeri-negeri lain

## 8. KLINIK PEKERJA ASING PENJARA WANITA KAJANG

### *Ahli-ahli Jawatankuasa*

*M. Murugan (Project Head)*

*Lalitha Nagamuthu*

*Yeow Chia Hui*

*Samrith Kaur*

### *Pengenalan*

Klinik ini dilancarkan pada September 2003. Objektif klinik ini adalah untuk memberi tahanan reman pekerja asing dari Penjara Wanita Kajang: -

- a) memberi nasihat guaman kepada kes individu
- b) memberi informasi kepada tahanan pekerja asing tentang undang-undang immigresen
- c) menyediakan perwakilan guaman tentang pilihan yang ada pada mereka kerana tahanan pekerja asing ini biasanya terdiri daripada mereka yang berada dalam reman dan;
- d) memberi sokongan moral dan dorongan kerana tahanan pekerja asing ini akan merindui orang yang tersayang di Negara mereka yang tidak mengetahui apa yang sudah berlaku

### *Lain-lain*

Pusat ini juga menghubungi kedutaan untuk memberitahu mereka tentang kehadiran tahanan pekerja asing dari negeri masing-masing di penjara supaya mereka boleh mengambil tindakan yang sewajarnya dan Pusat ini juga merujuk kes-kes kepada Pusat Bantuan Guaman Majlis Peguam supaya mereka boleh mengambil tindakan susulan.

Bilangan kes yang diambil dari 1 Januari – 31 Disember 2004

<b>Bilangan orang yang ditemuduga</b>	<b>473</b>
Kes dirujuk kepada Dock Brief (Mitigasi & Permohonan Jamin)	39
Kes diberi kepada Peguam	71
Kes dirujuk kepada PBG Negeri Lain	
- Melaka	
- Johor Bahru	5
- Kuantan	29
- Selangor	3
- Negeri Sembilan	299
- Temerloh	11
- Perak	2
	3
<b>Nasihat sahaja</b>	<b>11</b>

Statistik dibawah menunjukkan jumlah tahanan pekerja asing mengikut Negara masing-masing. Kebanyakan mereka dari Indonesia diikuti dengan China, Filipina, Thailand, Vietnam, dan lain-lain seperti Taiwan, Myanmar, Kemboja, Bangladesh, Columbia, Congo, Argentina, Uzbekistan dan Sri Lanka.

<b>Negara</b>	<b>Bilangan</b>
Indonesia	167
China	70
Filipina	57
Thailand	45
Vietnam	27
Taiwan	18
Myanmar	17
Kemboja	17
Lain-lain	50

### **Kelebihan**

Kekuatan yang utama adalah bekerjasama dengan Penjara dan tidak dilupai juga penyelia dan pelatih dalam kamar. Kita sudah bekerjasama hamper setahun untuk memberi perkhidmatan guaman kepada tahanan pekerja asing di penjara yang di sebaliknya tidak akan diwakili dan tidak akan diberi layanan yang baik.

### **Kelemahan**

Seperti klinik yang lain, klinik ini juga mempunyai kelemahan tersendiri seperti: -

- a) ketidakupayaan pelatih dalam kamar untuk memperolehi lebih maklumata daripada tahanan dan mengambil terlalu banyak maklumat yang tidak tepat;
- b) ketidakupayaan pelatih dalam kamar berkomunikasi dengan tahanan pekerja asing kerana mereka tidak menguasai Bahasa Melayu atau Inggeris
- c) keperluan jurubahasa atau penterjemah bahasa asing
- d) kekurangan latihan dan pendedahan
- e) kekurangan susulan daripada temuramah kerana: -
  - (i) kekurangan maklumbalas daripada Pusat Bantuan Guaman Nasional dengan Pusat Bantuan Guaman Negeri yang lain dan sebuah garis panduan dalam bentuk surat untuk kelulusna pengerusi sudah disediakan untuk diambil oleh semua Pusat;
  - (ii) kekurangan bilangan peguam yang sedia membantu kes pekerja asing

### **Cadangan-cadangan**

1. Lebih banyak pendedahan dan latihan akan diberi kepada pelatih dalam kamar
2. Untuk mengadakan mesyuarat dengan Pusat Bantuan Guaman Negeri lain dengan lebih kerap untuk memperbaiki klinik supaya ia dapat membantu masyarakat umum.
3. Untuk merekrut/mengambil lebih ramai peguam sukarela bagi membantu menguruskan kes-kes pekerja asing
4. Untuk memberi cadangan dan pengubahsuaian undang-undang berkenaan keadaan tahanan reman
5. Untuk menjemput penterjemah dari Kedutaan yang relevan

## **9. LAC/AWAM LEGAL INFORMATION SERVIS KLINIK 2004**

*Dilaporkan oleh: Ms Ramlah Begum (Project Head)*

### **Ahli-ahli Jawatankuasa BCLACKL**

*Loh Mei Fun (Ketua Alternatif)*

*Vasandi Kandasamy*

*R Shanmugam*

*Sharmini Thiruchelvam*

*Jayaletchumi Rajaretnam*

*Chamundeeswari Jagathan*

*Marlene Blanche Culas*

*Kasthury Sellappan*

*Pushpa Ratnam*

### **Wakil Wakil AWAM:**

*Azila Bakri*

*Ruzana Udin*

### **a) Tindakan Selanjutnya bagi Seksyen 51 Law Reform (Marriage & Divorce Act) 1976**

Sub committee ini telah mengadakan satu perbincangan bersama dengan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, All Women's Action Society (AWAM) dan Pusat Bantuan Guaman (Kuala Lumpur) pada 8 April 2003. ERA Pengguna telah menyertai seksyen 51 kumpulan asas melalui jemputan. Committee telah mengadakan 2 mesyuarat sub committee pada 20 Julai 2004 dan 22 September 2004. Di sebalik kelewatan dalam menyerahkan law reform yang dicadangkan, Committee akhirnya telah menghantarkan law reform yang dicadangkan tersebut kepada Kementerian Wanita pada 30 November 2004.

### **b) Klinik bergerak**

Klinik bergerak yang dicadangkan untuk diadakan di flat Pekeliling telah ditunda oleh kerana Ketua tempatan tidak mempunyai kekosongan masa pada tahun ini dan beliau telah mencadangkan agar program ini dijalankan pada tahun 2005. Ramlah dan Vasandi telah menghadiri sesi temuramah di stesen radio 6 RTM, siaran Tamil bagi memperkenalkan Pusat bantuan guaman dan aktiviti yang dijalankan. Rancangan ini telah mendapat sambutan baik daripada pendengar-pendengar terutamanya wanita Tamil.

### **c) Statistik**

Bilangan kes-kes yang dikendalikan dan dirujuk oleh Klinik LAC/AWAM dari 1 Januari 2004 hingga 13 Disember 2004 lebih kurang 511 klien untuk nasihat perundangan dan 5 fail yang telah dibuka untuk perwakilan undang-undang. Berbanding tahun 2003, sebanyak 17 fail telah dibuka pada tahun 2004.

<b>NO</b>	<b>CATEGORY</b>	<b>TOTAL</b>
1	Bantuan Nasihat sahaja	506
2	Buka fail	5
	<b>JUMLAH</b>	<b>511</b>

## 10. BCLACKL/PTL KLINIK PERKHIDMATAN MAKLUMAT PERUNDANGAN 2004

Laporan disediakan oleh: Preetam Kaur (Ketua Projek)

### **Ahli-ahli Jawatankuasa**

#### **Wakil-wakil BCLACKL:**

Loh Wei Leong

Irene Yong

Meera Viswanathan

Lim Ka-Mak Nyahung

Lee Choo Suat, Tevina

#### **Wakil-wakil Yayasan Pink Triangle:**

Hisham Hussein (Pengerusi PTF)

Khartini Slamah

Shakila

Majlis Peguam Pusat Bantuan Guaman Kuala Lumpur (BCLACKL) bersama-sama dengan Yayasan Pink Triangle telah mengendalikan klinik undang-undang untuk sebilangan kumpulan masyarakat seperti penagih dadah, pekerja seks, pesakit HIV/AIDS, transeksual dan homoseksual lelaki dan perempuan. Objektif utama klinik ini adalah untuk mendedahkan hak-hak asas kepada enam komuniti dan jawatankuasa ini telah cuba untuk mencapai rangkaian perhubungan dengan jabatan-jabatan kerajaan dan pada tahun 2004 ini, kami berhasrat untuk memperolehi pencapaian yang sama.

Kami amat berbesar hati untuk mengumumkan bahawa dengan bantuan penuh daripada Pengerusi Yayasan Pink Triangle, Hisham Hussein, Khartini dan Shakila dan lain-lain di PTF kami telah berjaya menjalinkan hubungan dengan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Jabatan Peguam Negara dan SUHAKAM telah menunjukkan minat dalam membantu pihak kami pada masa hadapan. Kami berhasrat untuk menjemput mereka menghadiri salah satu daripada dialog yang sedang dalam proses perancangan. Secara idealnya, kami berkemungkinan berjaya mencapai sasaran kami untuk membantu kesemua enam komuniti tersebut sekiranya kami berkeupayaan untuk memperolehi lebih ramai peguam sukarela yang peka dan pengamal undang-undang syariah yang bersedia untuk membantu komuniti-komuniti ini yang tidak bersikap prejudis.

Di bawah ini adalah aktiviti-aktiviti utama yang telah dijalankan dan projek bagi tahun 2004 oleh Klinik LAC/PTF:-

### **A) Klinik Maklumat Undang-undang di PTF**

Klinik undang-undang di PTF yang bermula sebagai Bengkel dan Klinik di mana peguam mengadakan ceramah perundangan untuk komuniti berlainan sejak 2003 sekarang ini telah ditukar kepada klinik undang-undang di PTF bagi sesi separuh hari pada setiap hari Jumaat dari pukul 2.00 petang hingga 4.30 petang.

Pelatih Dalam Kamar lelaki mengendalikan klinik undang-undang dengan bantuan pegawai PTF dan diselia oleh ahli jawatankuasa LAC/PTF. Secara ringkasnya, apabila jawatankuasa telah memulakan klinik undang-undang, pelatih dalam kamar adalah tidak dibenarkan untuk berada di Pusat PTF sebaliknya mereka telah ditempatkan di BCLACKL untuk menunggu klien daripada PTF untuk ditemuduga. Kami berusaha untuk memperolehi beberapa klien di Klinik Pusat Bantuan Guaman. Walaubagaimanapun, kemudahan bagi pelatih dalam kamar yang ditugaskan di klinik ini tidak digunakan sepenuhnya. Selepas satu tahun lebih, pelatih dalam kamar telah dinilai secara lisan oleh ahli jawatankuasa kami dan bermula sekarang, pelatih dalam kamar bimbang untuk mengendalikan tugas bantuan guaman mereka di Pusat PTF.

Oleh itu, kami di peringkat jawatankuasa telah mempunyai "pilot session" pada 4hb Jun 2004 (Jumaat) di mana 2 pelatih dalam kamar akan bersama-sama menghadiri klinik di PTF bagi separuh hari pada setiap hari Jumaat dari pukul 2.00 hingga 4.30 petang. Sejak itu, kami telah berusaha untuk menempatkan pelatih lelaki bagi klinik undang-undang di PTF untuk 3 kumpulan tanpa apa-apa peristiwa yang tidak diingini. Pelatih dalam kamar bagi klinik di PTF telah didatangi oleh 10 orang klien. Pelatih tersebut telah ditugaskan untuk melakukan tugas-tugas berikut:-

- i) Pelatih telah mula untuk menulis laporan berkenaan apa yang telah mereka lakukan semasa kunjungannya yang berjumlah 10 laporan.
- ii) Pelatih telah menyediakan glosari (istilah masyarakat tempatan) yang digunakan di jalanan untuk kegunaan peguam baru/pelatih dalam kamar/kakitangan yang berhadapan dengan masalah dalam memahami istilah bahasa mereka ("buka api", "cenduk" dll).
- iii) Jawatankuasa dengan bantuan daripada pelatih dalam kamar dan pegawai PTF dalam proses untuk merangka versi BCLACKL iaitu risalah semasa Tangkap & Jamin yang tersedia ada kepada penggunaan bahasa masyarakat PTF dengan menggunakan glosari yang disediakan.
- iv) Pelatih dan jawatankuasa juga dalam proses untuk merangka versi kertas temuduga di dalam bahasa Melayu untuk kegunaan pelatih dalam kamar dan pegawai PTF untuk merekodkan maklumat klien dan fakta kes.

### **B) Jalanan Hubungan Erat diantara LAC/PTF dengan Agensi Kerajaan**

- i) **Sesi jalinan hubungan yang dianjurkan oleh JAWI dengan wakil LAC/PTF pada sesi pertama dalam membincangkan isu berkenaan Transeksual dan Pesakit HIV/AIDS.**

Kejayaan cemerlang jawatankuasa dan sesi yang telah diaturkan dan ditaja oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan ia diadakan di Pusat PTF. Sesi ini telah diadakan pada 12 Mei 2004 (Rabu) pada 2.30 petang di pejabat PTF.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Ustaz A Jalil Dg Perangreng dan beliau telah membawa 12 orang pegawai yang mana termasuk 5 orang guru agama lelaki, pegawai pelaksana undang-undang dan 6 orang guru agama perempuan. Mereka adalah mahir dalam bidang masing-masing. Di sana juga mempunyai 11 orang wakil daripada PTF dan 3 orang daripada BCLACKL.

Walaupun ianya suatu yang tidak mudah diterima oleh kedua pihak yang mana perbincangan tersebut telah di tolak oleh YB Ustaz A Jalil Dg Perangreng pada mulanya tetapi selepas perbincangan terperinci, asas-asas maklumat tersebut telah diterima oleh pihak-pihak tersebut yang mana telah memberi faedah kepada semua pihak yang terlibat:-

Sessi perbincangan tersebut telah menekankan asas-asas kunci masalah yang mana telah dikenalpasti oleh jawatankuasa Mak Nyah/SW/PL yang mana seperti berikut:-

- Memahami dan menerima Mak Nyah dan Positive Living (PL) seperti seadanya mereka
- Kelas Bimbingan Fardhu Ain akan diadakan untuk Mak Nyah, SW dan PL
- Bantuan kewangan di bawah Baitulmal akan di pertimbangkan untuk mereka
- “Drop in Centre” untuk Mak Nyah dan PL yang mana akan dibiayai oleh JAWI
- JAWI memberi jaminan untuk mengadakan Pertunjukan Wanita tanpa tangkap
- Mak Nyah tidak didakwa di bawah Sec. 28 (Syariah Criminal Offences KL) yang mana mereka dibenarkan untuk berpakaian seperti wanita selagi mereka tidak melanggan pelanggan bagi tujuan pelacuran
- JAWI mengajar MAK NYAH dan PL dalam kursus urus janayah dalam komuniti mereka
- JAWI akan mengambil serius aduan dan diskriminasi terhadap Mak Nyah oleh pegawai-pegawai JAWI

Pada kefahaman biasa yang mana telah diterima oleh semua pihak yang mengikuti sesi yang telah dilaksanakan oleh pelaksana undang-undang ialah Mak Nyah selalu menjadi masalah besar.

**ii) Dialog di antara unit pelaksana JAWI dan wakil-wakil daripada LAC/PTF mengenai Sec 28 of Criminal Offences Act (Cross Dressing).**

Ahli jawatankuasa telah melihat isu Mak Nyah pada kali kedua yang mana PTF telah berjaya mengikuti perkembangan kedua dengan Unit Pelaksana JAWI yang mana telah diketuai oleh Ustaz Shamsudin yang dibantu oleh 3 orang pegawai daripada unit pelaksana dan penasihat undang-undang (Ustaz Abd Malik bin Ghazali). Beliau telah mempengerusikan satu perbincangan dengan wakil PTF yang seramai 9 orang dan BCLACKL seramai 5 orang untuk mengetahui masalah yang mana telah dihadapi oleh Mak Nyah semasa berurusan dengan pihak JAWI.

Mereka hanya memfokuskan Sec 28 of Criminal Offences (Federal Territories) Act 1997 yang mana semua pihak yang terlibat semasa perbincangan tersebut bersetuju kepada beberapa prosedur seperti di bawah:-

- di bawah Section tersebut, orang yang telah ditahan di dalam tahanan sementara pihak JAWI mempunyai hak untuk disediakan makanan dan minuman.
- orang yang telah ditahan mempunyai hak untuk diiringi ke Mahkamah Syariah untuk mendapatkan perlanjutan reman
- Ustaz Malik telah berjanji jika ada pegawai daripada JAWI yang melakukan gangguan dan diskriminasi terhadap tahanan akan dihadapkan kepada Ketua Pendakwa Syarie untuk diambil tindakan yang patut.
- Criminal Prosedure Act Syariah ialah sama dengan Criminal Procedure Code yang mana tiada “Lock up Rules” untuk kesalahan Syariah.
- Ustaz Shamsudin telah bersetuju untuk membenarkan pihak LAC atau PTF mengadakan ceramah untuk Mak Nyah atau mana-mana komuniti jika ianya untuk kebaikan persatuan muslim. Beliau juga berjanji menyediakan sesi kaunseling untuk Mak Nyah dan menjalinkan hubungan dengan mana-mana organisasi seperti LAC dan PTF melalui perbincangan dengan Ustazah Zaharah

Dengan penuh kesyukuran oleh kedua pihak, dialog tersebut telah diakhiri dengan memberi sepenuh penghargaan kepada JAWI dan Mak Nyah diatas keterbukaan mereka dan semoga dapat menjalinkan kerjasama dalam masa akan datang.

**iii) Seminar Hak-hak Mak Nyah dan Pekerja Seks.**

Seminar julung kali ini diadakan pada 11 December 2004 (Sabtu) di Jawatankuasa Peguam Kuala Lumpur dari 9.00 pagi sehingga 2.30 petang. Objektif utama seminar ini adalah bagi memahami dan mencapai kesedaran pelbagai masalah yang dihadapi oleh masyarakat Mak Nyah dan Pekerja Seks khususnya isu mengenai Mykad (kad pengenalan baru) dan hak-hak mereka. Jawatankuasa PTF telah menjemput pegawai-pegawai dari Jabatan Pendaftaran Negara, SUHAKAM dan Jabatan Peguam Negara. Namun oleh kerana kesempitan masa yang diberi oleh Jawatankuasa PTF, tiada wakil yang sempat dihantar oleh SUHAKAM dan Jabatan Peguam Negara.

Pada hari itu, 20 Mak Nyah dan Pekerja Seks yang hadir dan kami menerima Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) wakil sebanyak dua pegawai atasan. Pegawai-pegawai berkenaan telah memberi ceramah dalam isu Mykad, Kad Pengenalan, Penagkatan Anak dan Pendafrtan Kelahiran/Anak Luar Nikah yang dihadapi oleh masyarakat kita.

Isu yang terpenting yang telah di kenalpasti hasil dari seminar ini adalah seperti berikut:-

- Memahami dan menerima Mak Nyah dan Pekerja Seks seadanya
- Menyampaikan isu Mak Nyah dan Pekerja Seks mengenai perubahan jantina didalam Mykad
- Masalah yang dihadapi oleh Mak Nyah dan Pekerja Seks dengan pejabat kerajaan mengenai pertukaran jantina
- Isu yang berkenaan mengenai pertukaran jantina dan undang-undang yang berkaitan dengan Mak Nyah dan Pekerja Seks
- Isu-isu yang berkaitan dengan Mykad, Kad Pengenalan, Penagkatan Anak dan Pendaftaran Kelahiran/Anak Luar Nikah

Pegawai-pegawai dari Jabatan Pendaftaran Negara telah menunjukkan sensitivity mereka terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh Mak Nyah and mereka telah berjanji untuk memberi kepentingan kepada isu tersebut. Pegawai-pegawai dari JPN telah menghabiskan 2 jam menjawab soalan-soalan yang telah diajukan oleh Mak Nyah.

Pegawai-pegawai juga telah berjanji untuk membantu komuniti ini sekiranya mereka mendekati dengan dokumen yang berkenaan. Seminar ini adalah suatu permulaan bagi mengeratkan perhubungan diantara komuniti dan agensi kerajaan. Akhirnya, jawatankuasa kini pelan untuk menganjurkan seminar dengan SUHAKAM, JPN dan Jabatan Peguam Negara yang akan dijemput bagi menghafal isu-isu mengenai perubahan undang-undang dan cara-cara bagi menyelesaikan masalah mereka.

Sebagai nota akhir, jawatankuasa masih menghadapi msalah yang rumit apabila kami gagal mendapat bantuan/komitmen dari peguam syarie bagi menganggotai kumpulan jawatankuasa atau bagi membela kes-kes Mak Nyah. Kami dari Jawatankuasa LAC/PTF memang daif sehingga kini masih gagal mendapat peguam syarie walaupun telah mengulurkan banyak permintaan kepada mereka.

Kami masih tidak fasih mengenai mystery ini dan harap agar 2005 akan berubah jika peguam syarie mula membantu kami khususnya selepas kita mendapat sokongan padu dari JAWI.

Kami ingin mengambil peluang ini untuk menghargai bantuan padu dari pihak JAWI, JPN, pelatih dalam kamar dan pekerja PTF yang masih menjayakan Klinik LAC/PTF.

## **11. LAC/WAO LEGAL INFORMATION OF ADVOCACY 2004**

*Dilaporkan oleh: Ms K Parameswary (Project Head)*

### **Ahli-ahli Jawatankuasa BCLACKL:**

*Latheefa Koya*

*Moganambal*

*Gowri Govinda Raju*

*Shaila Nair*

*Christoper Francis*

### **Wakil Pertubuhan Pertolongan Wanita**

*Ivy Josiah*

*Shoba Aiyar Shankar*

Klinik LAC/WAO merupakan program kerjasama antara Pusat Bantuan Guaman Majlis Peguam (Kuala Lumpur) dan Pertubuhan Pertolongan Wanita yang telah dilaksanakan sejak tahun 2003. Ahli-ahli persatuan dalam projek ini berasa amat gembira semasa mengendalikan sesi program ini bersama dengan kolej Taylor. Di samping itu, ahli persatuan juga telah menguruskan 5 pengambilan ahli baru bagi menjayakan program ini.

### **Projek Kolej Taylor**

Program ini telah dijadikan salah satu agenda di dalam Minggu Undang-undang kolej Taylor, di bawah tema 'Keganasan terhadap Wanita' yang dianjurkan oleh para pelajar Kolej Taylor. Program klinik LAC/WAO yang telah berlangsung selama 2 hari pada 13 dan 14 Oktober 2004 di sekitar Kolej tersebut cuba memberi pendedahan terhadap hak-hak asasi individu. Di samping itu kami juga telah memberi pendekatan tentang undang-undang keluarga, undang-undang syariah dan juga undang-undang yang lain yang berkaitan dengan wanita dan peranan LAC dan klinik undang-undang dalam membantu masyarakat sekitar.

Walaubagaimanapun, program klinik undang-undang ini telah dibatalkan pada 14 oktober 2004 disebabkan oleh kurangnya sambutan daripada pihak sekeliling.

Ahli-ahli persatuan berasa amat sukacita dan setinggi penghargaan kepada Ms lakshmi Ganesh, Ms. Rozita Salleh, Ms. Tasha Peterson dan Ms. Moganambal daripada WAO di atas masa dan tenaga yang diluahkan bagi menjayakan program yang dianjurkan oleh kolej Taylor tersebut.

### Program Pelatih Dalam Kamar

Sejak program klinik ini diadakan di pusat WAO, itu pihak kami telah menghantar 2 orang Pelatih dalam Kamar pada tiap-tiap hari isnin dan jumaat. Pelajar ini hanya ditugaskan untuk membuat kajian tetapi mereka tidak dibenarkan memberi sebarang maklumat perundangan kepada orang awam. Terdapat cadangan untuk menjarakkan tempoh bertugas para pelajar ini kepada sekali dalam 2 minggu berbanding sekali dalam seminggu. Cadangan ini akan dilaksanakan dalam tahun 2005.

Kami juga bercadang untuk mendapatkan lebih ramai para peguam melibatkan diri didalam projek LAC/WAO ini. Kami memerlukan huluran bantuan untuk menjadikan masyarakat lebih rasional dan berfikiran terbuka. Kami cuba membuat satu rangka cadangan bagi mempelbagaikan aktiviti untuk tahun 2005 untuk menjayakan lagi program ini.

## 12. KLINIK SISTERS IN ISLAM

### Ahli-ahli Jawatankuasa

Faizati Binti Mohd Ali

Esteena Zais

Klinik SIS mula beroperasi pada 26 September 2003. Pada mulanya, Klinik dibuka dua kali seminggu, iaitu pada hari Isnin dan Jumaat, 10.00 pagi hingga 5.00 petang. Klinik ini menerima sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai. Pada tahun 2003 kami menerima sebanyak 55 kes (26 September hingga 29 Disember 2003). Oleh kerana mendapat sambutan daripada orang ramai yang datang meminta khidmat nasihat daripada SIS, Pusat Bantuan Guaman KL telah menambah seorang lagi pelajar untuk Klinik SIS. Klinik SIS kini beroperasi pada hari Isnin, Rabu dan Jumaat. Pada tahun 2004 (sehingga 13 Disember 2004) Klinik SIS telah menguruskan sebanyak 707 kes.

### Senarai Kes bagi Tahun 2004

No	Jenis Kes	Jumlah
1	Keganasan rumahtangga	18
2	Alimoni, Pampasan & Harta sepencarian	28
3	Nafkah isteri	64
4	Nafkah anak	44
5	Pendaftaran perkahwinan/Prosedur perkahwinan	65
6	Poligami	32
7	Prosedur perceraian	159
8	Syarat perkahwinan/Syarat tambahan perkahwinan	38
9	Wali/Wali Hakim	4
10	Prosedur pertukaran agama	14
11	Hadhanah	47
12	Wasiat	10
13	Pembahagian harta (Faraid)	29
14	Rujuk	4
15	Anak tak sah taraf	20
16	Prosedur Rayuan	2
17	Hibah	3
18	Kesalahan Jenayah Syariah	3
19	Aduan kepada Jabatan Pendakwaan	1
20	Dirujuk untuk kaunseling	20
21	Serangan seksual	1
22	Murtad	3
23	Prosedur Penukaran Peguam	1
24	Pengambilan anak angkat	3
25	Isteri Nusyuz	1
26	Kaveat	1
27	Perintah Mahkamah/Penguatkuasaan Perintah	3
28	Pelbagai	89
	<b>Total</b>	<b>707</b>

Kebanyakan kes yang pihak kami terima adalah berkenaan hak-hak wanita yang teraniaya. Mereka banyak meminta nasihat samada mereka mempunyai hak untuk meminta cerai apabila telah didera oleh pasangan masing-masing dan juga hak wanita untuk menuntut hak penjagaan anak serta cara-cara menulis taklik yang betul. Mereka meminta penjelasan terhadap hak-hak wanita setelah bercerai dan penguatkuasaan perintah-perintah.

Pihak Pusat Bantuan Guaman KL telah memberi latihan tentang undang-undang Syariah kepada pelajar-pelajar dan latihan bersama dengan pertubuhan-pertubuhan lain yang menegakkan hak-hak wanita. SIS kemudiannya memberi latihan lanjut tentang undang-undang Syariah kepada pelajar-pelajar dan dikawalselia oleh SIS semasa latihan. Pelajar-pelajar juga akan didedahkan kepada pelbagai isu termasuklah undang-undang sivil, tanah dan perbankan. Mereka juga mempelajari teknik-teknik kaunseling dan semoga mereka akan dapat berinteraksi dengan lebih baik lagi dengan pelanggan(client). SIS masih berhubung dengan pelajar-pelajar tersebut yang mana ada diantara mereka menjadi sukarela di klinik kami. Salah seorang daripada mereka merupakan Ketua Projek di SIS iaitu Cik Faizati Bte Mohd Ali.

Pihak SIS ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Panel Pengurusan, kakitangan Pusat Bantuan Guaman KL terutamanya Siti dan semua yang terlibat kerana memberi kerjasama dalam menjalankan Klinik SIS.

### 13. TENAGANITA - PROGRAM PEKERJA-PEKERJA ASING

#### *Ahli-ahli Jawatankuasa*

*N.Lalitha*

*Samrith Kaur*

Tenaganita menerima 190 aduan yang melibatkan 594 pengadu ke atas pelbagai isu.

#### STATISTIK ADUAN YANG DIFAILKAN (JANUARI-JUN 2004)

Jenis Aduan	Bilangan aduan	Bilangan pengadu
Menyeludup ke Malaysia	5	10
Pekerjaan		
Gaji yang tidak dibayar	27	321
Pembuangan kerja secara konstruktif / salah	7	47
Pemotongan gaji secara salah	3	74
Kemalangan Industri	8	8
Pelanggaran Kontrak		
Tiada - kontrak	2	24
Gaji rendah	1	13
Kontrak tambahan	3	29
Tempoh masa kerja yang lama	3	90
Kemungkiran kontrak	4	120
Tiada kerja di tempat kerja	3	18
Status di sisi undang-undang		
Tiada dokumen	2	2
Pasport yang ditahan	11	32
Permit kerja yang tidak diperbaharui	12	109
Tinggal lebih masa	30	36
Repatriasi	35	47
Keganasan & Penderaan	9	9
Pengambilan (ditipu oleh ejen)	37	42
Penangkapan, Penahanan & Pembuangan Negeri	24	52
Penangkapan salah	3	5
Kesatuan Wang Simpanan Pekerja-pekerja (KWSP)	2	2
Keluarga & Perkahwinan		
Visa suami isteri	7	7
Penceraian	9	9
Sakit jiwa	7	7
Kematian / Pembunuhan diri	2	2
Pemastautin tetap	4	4
Hal-hal keluarga yang lain	2	2

Terdapat sejumlah 262 aduan yang melibatkan 1121 pengadu.

## STATISTIK FAIL-FAIL AKTIF DI DALAM PELBAGAI MAHKAMAH PADA DIS 2004

MAHKAMAH / JABATAN	BILANGAN KES YANG DIFAILKAN
JABATAN PERUSAHAAN	4
MAHKAMAH PERUSAHAAN	5
MAHKAMAH SEKSYEN (PELAKSANAAN PENGHAKIMAN)	9
MAHKAMAH TINGGI	3
MAHKAMAH RAYUAN	1
MAHKAMAH BURUH	17
MAHKAMAH TUNTUTAN KECIL - MAHKAMAH MAJISTRET	3
<b>JUMLAH</b>	<b>42</b>

Sejak Januari 2004 sehingga Disember 2004, 4 kumpulan peguam yang berjumlah sebanyak 47 orang peguam muda telah menjalani latihan dalam Program Hak-hak Migran dan Kesihatan. Melalui latihan ini, Tenaga kita telah membangkitkan kesedaran peguam-peguam atas isu-isu yang dihadapi oleh pekerja-pekerja migran di Malaysia. Bahagian kedua latihan tersebut tertumpu kepada meningkatkan kemahiran terutamanya dalam komunikasi, dokumentasi, perbincangan dengan majikan-majikan dan otoriti kerajaan, perangkaan surat dan laporan polis dan hubungan dengan pelbagai otoriti kerajaan. Suatu pandangan menyeluruh terhadap "*UN Declarations and Instruments*" berkenaan dengan pekerja-pekerja migran telah dilakukan untuk menerangkan hak-hak universal migran-migran yang diakui oleh agensi-agensinya antrarangbangsa dan institusi.

Pandangan balik yang diperoleh daripada peguam-peguam muda, menunjukkan bahawa pada akhir program selama 14 minggu, peguam-peguam tersebut dapat memahami isu-isu pekerja-pekerja migran dan mempunyai pengetahuan asas mengenai undang-undang yang relevan, prosidur-prosidur yang diperlukan terutamanya di Jabatan Immigration, Jabatan Polis dan Jabatan Buruh. Mereka menyedari bahawa terdapat sesetengah peningkatan dalam aspek kemahiran. Terutamanya yang mahir telah mempertingkatkan kemahiran mereka dalam menemuramah, perbincangan dan memajukan 'hubungan orang ramai'. Peguam-peguam muda juga berasa bahawa program ini adalah suatu 'pembuka mata kepada realiti'.

Berikut adalah sokongan yang diberi oleh Pelatih Bantuan Guaman:

### Pengurusan Kes - Peringkat 1 (kes baru)

- Menemuramah Pekerja Migran
- Menemuramah Majikan / Agensi Pengambilan Pekerja / Lain-lain
- Penilaian Kes & Dokumentasi
- Perbincangan dengan majikan - penyelesaian mesra
- Menemuramah orang yang ditahan di Kem Penahanan
- Menfailkan kes dengan agensi yang relevan
- Membenarkan di sisi undang-undang peninggalan pekerja-pekerja migran bagi repatriasi / mendapatkan remedi undang-undang
- Kaunseling dan perlindungan
- Membantu migran-migran ke Hospital-Hospital, klinik-klinik untuk rawatan perubatan

### Pengurusan kes - Peringkat II

- Tindakan susulan dan representasi dengan ejensi tertentu atau mahkamah ( contohnya Jabatan Polis / Jabatan Imigresen / Jabatan buruh)
- Representasi dan tindakan susulan dengan Misi Diplomatik yang tertentu
- Kehadiran di Mahkamah dengan Sokongan Undang-Undang
- Kaunseling sambungan
- Program Pendidikan
- Sesi kesihatan

### Pengurusan kes - Peringkat III

- Proses Repratriasi
- Berhubung dengan Rakan mengatur Negara Penerima
- Tindakan susulan integrasi semula

## 14. PROGRAM ORIENTASI & KESEDARAN UNDANG-UNDANG

*Disediakan oleh Ketua Projek, Charles Hector*

### **Ahli-ahli Jawatankuasa**

*Charles Hector* - Ketua Projek  
*N Surendran* - Ketua Projek Alternatif  
*Stanley Sinnappen*  
*Sharmini Thiruchelvam*  
*Salbiah Ahmad*

Hakikat bahawa graduan bidang undang-undang hari ini adalah hasil produk sistem pendidikan yang tidak menguatkan dan yang tidak kritikal, adalah hasil produk realiti yang kurang kebebasan bersuara, adalah subjek penerima maklumat/pendapat yang ditapis yang dikeluarkan oleh media yang terkongkong dan dimiliki pihak tertentu, adalah hasil prejudis dan ketidakseimbangan yang wujud di masyarakat, dan adalah hasil produk sebuah masyarakat yang tidak menyokong pemikiran kritikal, sikap membantah atau kebebasan ekspresi diri sendiri, antara lain, Pusat Bantuan Guaman Majlis Peguam (Kuala Lumpur) berpendapat perlunya ada satu respons dan oleh itu Program Orientasi Kesedaran telah dimulakan pada tahun 2001 dan telah diteruskan dengan hasrat cuba memberi sedikit sumbangan kearah mencapai matlamat menghasilkan peguam holistik yang mempunyai perasaan tanggungjawab sosial kepada masyarakat umum.

### **Objektif-objektif**

- untuk mengerakkan para pelatih/peguam ke arah kesedaran mengenai peranan dan tanggungjawab sosial mereka sebagai seorang peguam holistik di dalam masyarakat kita.
- Untuk mengembangkan sikap tanggungjawab sosial dan menanam sikap keprihatinan mengenai hak asasi manusia, keadilan, dan isu-isu "Rule of Law".
- Untuk menyemai sikap kritikal dan kesedaran mendalam mengenai masyarakat umum, untuk memahami perhubungan di antara kuasa-kuasa yang beroperasi dalam realiti, dan punca sebenarnya masalah serta kekurangan di kalangan rakyat Malaysia.
- Untuk memahami dan menilai perbezaan dan tahap tindak balas/pendekatan-pendekatan di dalam menandatangani masalah-masalah dan kekurangan di Malaysia.
- Untuk mengenang kembali dan menganalisa perbezaan respon kepada masalah kekurangan dan ketidakadilan ini yang pernah dilakukan oleh peguam di Malaysia, sama ada dilakukan secara peribadi atau melalui Majlis Peguam dan/atau Pusat Bantuan Guaman Majlis Peguam. Secara khusus, fokus utama analisa ini adalah program dan aktiviti yang berbeza yang pernah dilakukan oleh Pusat Bantuan Guaman.
- Untuk mencuba menanam dan mengembangkan komitmen jangka panjang terhadap kerja bantuan guaman dan hak asasi manusia, dengan harapan ini akan kekal selepas 14 hari yang pelatih dalam kamar diwajibkan memberi sumbangan masa dan kerja kepada bantuan guaman.
- **Sesi Orientasi Untuk Para Pelatih** menggunakan metodologi penyertaan aktif (participative methodology) di mana dalam program ini ada banyak kerja berkumpulan dinamik, perbincangan dalam kumpulan dan sedikit sekali input secara ceramah.

### **Kekuatan-kekuatan Program Sesi Orientasi**

#### **Kejayaan Sesi Orientasi**

Setakat 31 Disember tahun 2004, **8 sesi** orientasi ini telah diadakan untuk para pelatih di dalam kamar. **535** pelatih yang telah menghadiri sesi orientasi telah menunjukkan penyertaan yang sangat baik. Sesi orientasi ini berjalan terus selama 5 hingga 5 1/2 jam pada hari bekerja, bermula pada jam 1.30 petang dan berakhir pada lebih kurang jam 6.30 petang, dengan waktu rehat singkat dipertengahan program selama 10 hingga 15 minit. Kejayaan setiap sesi sememangnya bergantung kepada kualiti dan tahap pengambil bahagian para peserta, di mana ini bermakna ada setengah sesi yang lebih berjaya daripada yang lain.

Berdasarkan daripada penilaian sesi orientasi ini, para pelatih yang menyertai program secara umum menjadi lebih berani bersuara. Kesedaran mengenai banyak perkara termasuk kepentingan nilai, prinsip kehidupan, pengetahuan mengenai cara membuat kritikan membina dan kesedaran hakikat realiti negara kita bertambah. Kesedaran mendalam ini menukar sebab dan cara mereka melakukan kerja bantuan guaman. Program ini membawa perubahan, di mana ramai dari mereka telah kini, selepas program orientasi ini, menghadapi tugas bantuan guaman dengan keikhlasan dan keinginan membantu – berbanding dengan sikap melakukan kerja bantuan guaman hanya kerana ia adalah satu perkara 'wajib' yang harus dilakukan untuk memenuhi syarat Majlis Peguam sebelum mereka boleh dipanggil menjadi peguamcara dan peguambela Mahkamah Tinggi Malaya, atau sikap hanya mahu mendapat pengalaman dan pengetahuan untuk kepentingan diri sendiri bukan untuk kepentingan mereka yang memerlukan bantuan guaman ini. Walaubagaimanapun, masih terdapat segelintir di kalangan mereka yang tidak disentuh oleh program ini, pengetahuan dan kesedaran yang diberikan oleh program ini tidak membantu langsung langsung tidak diserap dan membantu ke arah menghasilkan seorang peguam yang mempunyai tanggung jawab sosial ini, bak kata pepatah bagaikan mencurah air ke daun keladi. Pada masa yang sama, kita harus bersyukur bahawa bilangan pelatih dalam kamar yang termasuk dalam kategori ini adalah kecil.

## Matlamat Sesi

Pelatih-pelatih adalah diberi kesedaran bahawa untuk benar-benar membantu secara lebih berkesan adalah perlu untuk kita juga memahami konteks sebenar daripada mana mangsa (pelanggan Pusat Bantuan Guaman) ini datang, di mana adalah juga perlu kita analisa dan mencari punca akar masalah yang dihadapi. Kebanyakan masa apa yang diperlukan adalah bukan hanya memberikan nasihat undang-undang dan/atau perwakilan guaman kepada mangsa, tetapi juga untuk memberikan kesedaran mengenai hak dan undang-undang dengan harapan ini akan menolong mereka mengelak daripada menjadi mangsa ketidakadilan pada masa hadapan.

Pelatih diberikan kesedaran mengenai jenis-jenis kerja yang sedang di jalankan oleh pihak Pusat Bantuan Guaman/Pusat Hak Asasi Manusia Majlis Peguam dan juga Majlis Peguam yang menangani situasi ketidakadilan, di mana respon ini adalah secara kasar boleh dibahagikan kepada 3 cara:-

- a) Cara Kebajikan - menyediakan nasihat undang-undang yang perlu dan wakil kepada mereka yang sudahpun menjadi mangsa - dimana inilah apa yang dilakukan oleh program seperti Program Dock Brief , Program Sungai Buluh/Kajang , dll.
- b) Cara/Pendekatan Pembangunan- memberikan nasihat guaman dan kesedaran undang-undang semasa kepada mereka yang belum lagi menjadi mangsa atau kepada mereka sudah menjadi mangsa tetapi ada mempunyai cara melalui undang-undang sedia ada untuk memperjuangkan hak mereka di mana ini, antara lain, adalah apa yang dilakukan dalam Program Klinik LAC , Program AWAM dan Program Tenaganita. Pendekatan ini membantu membekalkan individu dengan pengetahuan dan kesedaran untuk mencegah mereka daripada menjadi mangsa ketidakadilan dan/atau untuk mereka yang sudah menjadi mangsa cara untuk berjuang menegakkan hak mereka dalam undang-undang.
- c) Cara/Pendekatan Keadilan- melibatkan analisa bertujuan mencari punca akar masalah supaya masalah boleh ditangani pada tahap itu. Ini semesti melibatkan perjuangan untuk menegakkan hak dan kebebasan yang sewajarnya wujud tetapi tidak atau yang pada masa ini disekat atau dihalang atau tidak lagi diiktiraf. - dan ini termasuk tindakan-tindakan kini yang diambil untuk mencegah kekejaman polis, kematian dalam tahanan, kejadian 'polis tembak mati', pengambilan kes melibatkan kebebasan asas seperti kebebasan bersuara dan berhimpun, kempen untuk hak membuat satu panggilan talipon selepas ditangkap polis, panggilan untuk untuk pengasingan Pegawai Kehakiman daripada Pegawai Perundangan dalam Komisi Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (**separation of the Judicial and Legal Services Commission**), **Kempen untuk memansuhkan semua undang-undang yang membenarkan penahanan tanpa bicara, dsb.**

Mereka juga diberitahu mengenai perlunya lebih ramai peguam untuk tampil menawarkan masa dan perkhidmatan secara sukarela untuk bantuan guaman dan untuk memperjuangkan kausa keadilan. Resolusi Majlis Peguam yang mengharapkan setiap seorang peguam untuk mengambil sekurang-kurangnya satu fail bantuan guaman setiap tahun masih jauh daripada direalisasikan .

Selepas program orientasi, adalah diharapkan agar para pelatih akan lebih menyedari "tanggungjawab mereka terhadap masyarakat" dan tugas mereka sebagai peguam untuk "menegakkan keadilan tanpa perasaan takut atau apa-apa pemikiran mengenai kepentingan". Program tersebut mengharapkan bahawa nilai dan prinsip murni ditanam dalam sanubari peserta, dan ini akan dapat membawa kepada hakikat lebih ramai peguam akan tampilkan diri secara sukarela untuk memberikan khidmat bantuan guaman.

## Aktiviti-aktiviti Lain

### Perancangan lain termasuk

- Untuk mengatur Program Latihan dan Formasi untuk Peguam - program ini telah dirancang tetapi tidak dapat dilaksanakan walaupun sudah terdapat kerja perancangan awal dan persediaan kerana tiada peruntukan kewangan untuk program ini (walaupun ia dimasukkan di dalam permohonan peruntukan wang bagi tahun 2004). Adalah dirasakan bahawa wujud kehendak untuk program seperti ini diatur untuk para peguam, terutama mereka yang telah menunjukkan minat dan kecenderungan untuk melakukan kerja bantuan guaman dan hak asasi manusia.
- Ceramah dan sesi dialog bagi peguam/orang awam mengenai isu hak asasi manusia dan kesedaran undang-undang. Di sini juga rintangan adalah tenaga kerja dan kewangan.

### Kelemahan-kelemahan Program

- Masa
- Sumber Manusia/Sukarelawan (bukan hanya kadar mendapatkan sukarelawan, tetapi mendapat sukarelawan yang holistik yang mempunyai kemahiran yang diperlukan, dan/atau untuk mendapat sukarelawan yang sedia dan terbuka untuk dilatih)
- Karenah Birokrasi, Mekanisma kelulusan yang lewat
- Belanjawan yang terhad

- Tindakan Susulan dan kekurangan peluang respon di dalam Badan Guaman.

#### **Usul-usul untuk perkembangan program ini.**

- Untuk mengatur sesi kesedaran dan hak asasi manusia untuk peguam dan/atau masyarakat umum, di mana ini diharapkan boleh diadakan berterusan.
- Untuk mengatur latihan dan sesi formasi untuk peguam yang terlibat dalam kerja Bantuan Guaman/Hak Asasi Manusia yang bertugas di Pusat Bantuan Guaman dan Pusat Hak Asasi Manusia Majlis Peguam.
  - Dengan penekanan khusus terhadap analisa kontekstual, tindak balas alternatif dan berkesan, dan/juga isu motivasi untuk mengekalkan komitmen. Mengembangkan satu visi dan pengaturan pelan tindakan juga akan dimasukkan di dalam sesi ini.
  - Untuk memperkembangkan Program Pendekatan Masyarakat - membolehkan para sukarelawan melihat dan memahami secara dekat dengan sendiri masalah dan keperluan masyarakat, di mana ini juga akan membantu meningkatkan kesedaran mengenai hak secara lebih berkesan di kalangan masyarakat umum.
  - Untuk mengwujudkan satu kursus Hak Asasi dan/atau Bantuan Guaman.

### **15. PROGRAM PERKEMBANGAN KECEKAPAN**

*Laporan dibentangkan oleh Ketua Projek, Ravi Nekoo*

#### **Ahli-ahli Jawatankuasa**

*Ravi Nekoo*

*Ngooi Chiu-Ing*

*Doreen Wan*

*Elaine Law*

*Puspa Ratnam*

*M Rajkumar*

*Sreekant Pillai*

#### **Pengenalan**

Jawatankuasa Perkembangan Latihan/Kecekapan ini bertujuan untuk mengembang/menambah kecekapan pelatih-pelatih dan pelajar-pelajar dalam memastikan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada klien. Jawatankuasa ini tetap sedia untuk mengenal pasti kelemahan-kelemahan yang wujud dalam latihan masa kini dan menawarkan cadangan-cadangan untuk kemajuan.

Pada tahun ini jawatankuasa ini telah memberi perhatian yang lebih kepada latihan untuk peguam. Ini adalah untuk memenuhi tiga matlamat, pertama untuk mewujudkan sekumpulan peguam yang dilatih dengan baik dalam Undang-undang Jenayah dan Undang-undang Keluarga. Kedua untuk menggalakkan peguam-peguam ini menyumbang tenaga mereka dengan mengendalikan kes-kes jenayah dan keluarga di Pusat Bantuan Guaman. Objektif ketiga adalah untuk menubuhkan satu unit sukarelawan yang boleh digunakan untuk menjadi pelatih dan melatih peguam dan pelatih dalam kamar yang lain. Dengan penubuhan unit ini, Jawatankuasa ini berharap dapat meringankan beban peguam yang sedia ada yang telah selama ini menawarkan perkhidmatan mereka secara sukarela tanpa penat lelah kepada Pusat.

#### **Aktiviti-aktiviti**

Jawatankuasa ini telah setakat ini menganjurkan program-program berikut:

- Latihan Undang-undang Jenayah dalam Teknik Pemeriksaan Balas dan Perbicaraan "Moot" - suatu sesi latihan dua hari telah diadakan pada 19 hb dan 26 hb Jun 2004 untuk para peguam.
  - Latihan ini telah mendapat sambutan baik dengan 80 peguam menghadiri program latihan ini.
  - Semua peserta telah memberi akuanji akan mengambil satu fail dan mengendalikan kes tersebut dan menggunakan ilmu yang diterima daripada latihan. Ini juga mewujudkan sekumpulan peguam sukarelawan yang tetap sedia menawarkan khidmat mereka kepada Pusat Bantuan Guaman secara sukarela.
  - Satu daripada kelemahan latihan ini adalah kegagalan untuk memecahkan peserta kepada kumpulan yang lebih kecil tetapi kekurangan dana menghalang kami daripada berbuat demikian.
- Latihan Undang-undang Keluarga - diadakan pada 9hb dan 10 hb Oktober 2004.
  - 40 peserta menghadiri program ini walaupun pengambilan maksima pada awalnya ditetapkan kepada maksimum 30 peserta sahaja.
  - Semua peserta yang mengikuti program ini juga memberi akuanji untuk mengambil satu fail dan mengendalikan kes ini dengan menggunakan ilmu yang ditimba daripada latihan ini. Ini juga mewujudkan sekumpulan peguam yang sedia ada yang boleh menawarkan khidmat mereka kepada Pusat Bantuan Guaman secara sukarela.
  - Sekumpulan peguam juga telah bersetuju mengendalikan sesi latihan pada masa depan.

## **Kebaikan program ini**

Semua peserta bersetuju bahawa program latihan tersebut telah menambah kecekapan guaman mereka dan mereka lebih yakin dalam mengendalikan kes. Pelatih-pelatih yang telah dijemput untuk mengendalikan latihan ini dengan sendirinya mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang mereka. Untuk latihan undang-undang Jenayah, Encik Jagjit Singh dan Encik Manjeet Singh telah menawarkan perkhidmatan mereka untuk memberi tunjuk ajar dalam teknik pemeriksaan balas. Peserta-peserta telah mempelajari daripada pengalaman kedua-dua penguambela kes jenayah yang berpengalaman ini.

Program latihan undang-undang Keluarga juga merupakan suatu kejayaan dengan peserta-peserta mempelajari teknik-teknik "drafting" secara "hands-on". Cara-cara drafting sesuatu petisyen perceraian dan suratcara untuk prosiding "contempt" telah ditunjukkan. Kami telah menerima maklum balas yang positif daripada peserta-peserta ini mengenai program latihan ini.

Jawatankuasa ini sesungguhnya percaya bahawa Program Latihan Kecekapan boleh dan sepatutnya digunakan sebagai mangkin untuk mendapatkan lebih ramai peguam. Peguam-peguam yang datang mempelajari kecekapan ini boleh menggunakan kecekapan tersebut dengan mengendalikan kes-kes dari pusat latihan guaman ini. Manfaat yang diterima adalah dari dua segi: Peguam boleh menambahkan pengetahuan mereka dan Pusat Latihan guaman akan mendapat sukarelawan yang baru.

## **Kelemahan**

- Kekurangan dana telah dikenal pasti sebagai faktor utama yang perlu diselesaikan bagi menambah kejayaan dan meghadapi cabaran-cabaran pada program latihan masa depan.
- Kekurangan sukarelawan untuk menduduki sebagai ahli-ahli jawatankuasa bagi memastikan perjalanan licin program ini akan dikaji.

## **Cadangan untuk Pembaikan**

Jawatankuasa telah mengenal pasti cadangan-cadangan untuk memperbaiki program latihan kini iaitu:

- Jangka masa - Sebilangan besar peserta menggemari program dikendalikan dengan mengurangkan tempoh masa latihan dan menjalankan program ini untuk masa yang lebih lama.
- Kumpulan yang kecil - Sesi sepatutnya dikendalikan dalam kumpulan yang lebih kecil supaya menjadi lebih efektif.
- Fokus - Topik yang diadakan seharusnya lebih fokus. Nota yang disediakan sepatutnya lebih kemas dan terurus.
- Lebih ramai peguam berpengalaman - lebih ramai peguam senior harus dijemput untuk menjadi pelatih dan memberi tunjuk ajar yang akan memberi manfaat kepada peguam-peguam yang baru menyertai Pusat Bantuan Guaman.

## **Pelan Masa Depan**

Jawatankuasa ini kini sedang merancang untuk mengendalikan perkara tersebut:

- Latihan kakitangan
- Latihan untuk pelatih-pelatih
- Latihan dalam Undang-undang Pekerjaan

Jawatankuasa ini juga berharap untuk mendokumentasi program latihan ini ke dalam satu buku panduan latihan bagi kegunaan masa depan. Jawatankuasa ini juga berharap untuk mempunyai rakaman video bagi sesetengah program latihan yang boleh digunakan untuk latihan seterusnya.

Jawatankuasa berasa bahawa masih terdapat banyak kerja yang perlu dilakukan dan masih banyak yang perlu dicapai untuk masa depan.

## **16. PROGRAM PENGUMPULAN DANA**

*Laporan disediakan oleh Ketua Projek, So Chien Hao*

### **Ahli-ahli Jawatankuasa**

*So Chien Hao*

*Ngooi Chiu-Ing*

*Lee Shet Mei*

*Ramanaambigai Marimuthu*

*N Vijaya*

*Vivien Lim*

*Junny Erfisyary Khairul Anwar*

Dengan perkembangan kerja yang dilakukan oleh Pusat tetapi tanpa peningkatan dalam sumber kewangan, Jawatankuasa ini telah ditubuhkan pada 22/4/2000 untuk membantu dalam menyalurkan dan mendapatkan kewangan yang diperlukan untuk

menjalankan projek-projek semasa dan untuk perancangan masa hadapan Pusat.

Jawatankuasa mengelolakan acara kutipan sumbangannya yang kedua iaitu tayangan gambar perdana 'National Treasure' pada 13 hb Januari 2005 di TGV Suria KLCC. Pada mulanya, respon daripada ahli-ahli Bar KL agak mengecewakan dan menyebabkan pembatalan satu dari dua dewan yang telah ditempah bagi tujuan tayangan tersebut. Respon yang baik pada saat-saat akhir agak mengejutkan tetapi malangnya kami tidak boleh mendapatkan balik dewan yang telah dibatalkan dan kami terpaksa membatalkan tempahan beberapa individu dermawan. Kami telah menjual 313 tiket dan mengutip sejumlah RM 20,000.00.

Sumbangan yang dikutip akan digunakan untuk menampung perbelanjaan tayangan perdana tersebut untuk penempahan dewan, pencetakan kad-kad jemputan, tuntutan perbelanjaan pengangkutan dan perbelanjaan-perbelanjaan yang lain. Walaubagaimanapun, Jawatankuasa tidak membuat keputusan bagaimana untuk menggunakan keuntungan dari kutipan tersebut. Ia akan dibentangkan kepada Panel Pengurusan untuk keputusan selanjutnya.

Jawatankuasa tersebut mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua ahli-ahli Bar KL, Bar Selangor dan individu-individu dermawan yang begitu baik hati menyokong dan menyumbang kepada kejayaan tayangan perdana kutipan sumbangan tersebut.

Sehingga ke hari ini, Jawatankuasa dalam proses merangka profil Pusat bagi tujuan mempromosi Pusat tersebut dan aktiviti-aktiviti mereka dan juga kutipan sumbangan. Deraf awal telah pun lengkap. Jawatankuasa akan menulis kepada badan-badan perseorangan dan agensi-agensi sumbangan untuk bantuan kewangan bagi tujuan operasi harian Pusat ataupun program tajaan yang dikendalikan oleh Pusat selepas siapnya profil tersebut.